

Jilid I
Bil. 89



Hari Selasa
15hb November, 1983

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 12553]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1984

Jawatankuasa—

Jadual:

Maksud B. 16 hingga B. 18 [Ruangan 12582]

Maksud B. 19 [Ruangan 12594]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1984

Jawatankuasa—

Maksud P. 16 dan P. 18 [Ruangan 12582]

Maksud P. 19 [Ruangan 12594]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J.,
D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO
MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S.
(Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO
YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S.,
P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH
BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO'
AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P.,
S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH,
D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M.,
J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG,
D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T.,
P.P.T. (Kuala Terengganu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK
IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ,
D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD,
P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

- ” Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- ” Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- ” Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).
- ” Menteri Penerangan, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- ” Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- ” Menteri merangkap Duta Besar Malaysia ke Indonesia, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).
- ” Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Rengam).
- ” Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- ” Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- ” Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- ” Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- ” Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- ” Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- ” Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- ” Timbalan Menteri Euruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- ” Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- ” Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- ” Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).
- ” Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- ” Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, PUAN HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU (Keningau).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, A.M.P. (Telok Anson).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P. (Kuantan).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).

- Yang Berhormat TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO' JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).

- Yang Berhormat TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).

Yang Berhormat TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).

- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Selasa, 15hb November, 1983

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

MAJUIKAN—PROJEK TERNAKAN
IKAN

1. Wan Zainab binti M. A. Bakar minta Menteri Pertanian memberi penjelasan tentang projek ternakan ikan MAJUIKAN di Tanjung Dawai; adakah semua peruntukan yang telah diluluskan untuk maksud tersebut telah digunakan. Setakat manakah projek itu telah berjalan dan bagaimanakah perkembangan projek tersebut dari segi pemulangan balik modal.

Timbalan Menteri Pertanian (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, projek ini dijalankan atas konsep unit keluarga di mana tiap-tiap keluarga diberi 12 sangkar secara sewa beli. Jumlah kos seorang peserta adalah lebih kurang \$17,000. Projek ini dilancarkan sejak bulan Mac 1981 dan setakat ini sangkar-sangkar telah dibekalkan kepada 50 keluarga nelayan di kawasan Sungai Merbuk. Rancangan asal projek ini adalah untuk mengadakan 100 peserta dengan jumlah pelaburan sebanyak \$1.7 juta. 50 peserta lagi akan ditambah secara berperingkat dalam tempoh tahun 1983-1984.

Dari segi pemulangan balik modal, kumpulan pertama yang telah dilancarkan pada bulan Mac 1981 telah membayar balik pinjaman sebanyak 30% setakat ini, sementara mendapatkan pendapatan bersih sebanyak \$200 sebulan di dalam tempoh ini.

Wan Zainab binti M. A. Bakar: Soalan tambahan, saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dua soalan iaitu:

- (1) adakah benar projek ini hendak diswastakan? Kalau benar, berapakah kosnya dan berapa buah syarikat yang berminat untuk mengswastakan projek ini; dan
- (2) adakah syarikat itu syarikat luar negeri atau dalam negeri?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, projek ternakan ikan air payau dalam sangkar ini tidak akan diswastakan. Ada kemungkinan Yang Berhormat agaknya salah faham sedikit. Kerajaan merancang hendak swastakan bukan projek ternakan ikan dalam sangkar tetapi Pusat Penetasan Udang di Sungai Merbuk.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Alfred Jabu Anak Numpang.

(Soalan No. 2 Y.B. Datuk Alfred Jabu Anak Numpang tidak hadir)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang.

(Soalan No. 3 Y.B. Tuan Lim Kit Siang tidak hadir)

STESEN PEMANCAR T.V./ PEJABAT POS DI BALING

4. **Tuan Haji Seroji bin Haji Haron** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan bila stesyen pemancar T.V. yang baru yang akan memberi perkhidmatan yang lebih sempurna kepada penduduk-penduduk di kawasan Baling, Sik dan Keroh akan dibina dan bilakah sebuah Pejabat Pos baru yang mana tapaknya telah disediakan di Pekan Baling, akan dibina.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin): Tuan Yang di-Pertua, untuk mengatasi masalah pemancaran televisyen di kawasan Baling dan Keroh, suka saya memaklumkan bahawa bangunan stesen pemancar di Bukit Palong dijadualkan siap pada bulan Mei atau Jun tahun 1984, insya Allah.

Kerja-kerja pemasangan alat-alat pemancar televisyen akan dapat dijalankan oleh pihak kontraktor sebaik sahaja bangunan tersebut siap. Sekiranya semua ini berjalan seperti yang dijadualkan, stesen pemancar di Bukit Palong ini akan, insya Allah dapat memulakan pemancarannya sebelum akhir tahun 1984 kelak. Adalah diharap selepas itu penduduk di kawasan-kawasan tersebut akan mendapat siaran televisyen yang lebih baik lagi.

Bagi pemancar televisyen di kawasan Sik pula, Kementerian saya belum ada rancangan untuk membina sebuah stesen pemancar televisyen yang khusus untuk penduduk di situ. Ini bermakna pemancaran televisyen di kawasan Sik akan terus menggunakan stesen-stesen pemancar televisyen yang berhampiran. Walau bagaimanapun, ianya akan dipertimbangkan apabila kedudukan kewangan negara bertambah baik.

Mengenai projek Pejabat Pos di Baling, cadangan projek gantinya telah dimasukkan ke dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini cadangan ini sedang dipertimbangkan oleh Kerajaan.

AGENSI KERAJAAN PUSAT DI PULAU PINANG—PENUBUHAN

5. **Tuan Gooi Hock Seng** minta Perdana Menteri menyatakan agensi-agensi Kerajaan yang akan ditubuhkan di Pulau Pinang untuk menjadikannya pusat serantau bagi Semenanjung Malaysia Utara dan namakan agensi-agensi yang telahpun menubuhkan pejabat-pejabat di sana.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, agensi-agensi Kerajaan yang telah dikenalpasti untuk menganggotai Pusat Pentadbiran Wilayah Utara ialah seperti berikut:

- (1) Jabatan Kerjaraya;
- (2) Kementerian Pertanian;
- (3) Kementerian Pelajaran;
- (4) Kementerian Kesihatan;
- (5) Jabatan Perancang Bandar dan Desa;
- (6) Unit Perancang Ekonomi;
- (7) Unit Penyelidikan Sosio-ekonomi;
- (8) Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan;
- (9) Lembaga Letrik Negara; dan
- (10) Jabatan Telekom.

Rancangan bagi penubuhan Pusat Pentadbiran Wilayah Utara masih lagi berjalan. Ini adalah kerana banyak isu-isu dan implikasi-implikasi yang perlu dikaji dan diselesaikan terlebih dahulu.

Tuan Gooi Hock Seng: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Timbalan Menteri menyatakan jumlah wang yang diperuntukkan untuk penubuhan agensi-agensi tersebut, jumlah wang mengurus dan pembangunan yang diperuntukkan kepada agensi-agensi berkenaan serta apakah hasil yang akan dicapai oleh rakyat Pulau Pinang apabila Pulau Pinang menjadi pusat serantau bagi semenanjung Malaysia Utara kelak.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf kepada Yang Berhormat sebab buat masa sekarang saya tidak dapat memberi angka jumlah wang yang akan dibelanjakan untuk menubuhkan Pusat Pentadbiran Wilayah Utara ini sebab sebagaimana yang saya jelaskan tadi perancangan masih berjalan lagi tetapi jika dilaksanakan kemudiannya ini bukan sahaja memberi manfaat kepada Pulau Pinang tetapi juga kawasan-kawasan di utara seperti negeri Perlis, Kedah dan Perak Utara.

PINJAMAN ASING DAN TEMPATAN

6. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Kewangan menyatakan sehingga 31-12-82, berapa jumlah pinjaman negara dari negeri-negeri asing dan institusi-institusi kewangan tempatan dan sama ada benar pinjaman-pinjaman raksaksa ini telah menimbulkan keadaan kritikal sepertimana disifatkan oleh pakar-pakar kewangan tempatan dan apakah tindakan berkesan yang telah/akan diambil untuk mengelakkan negara kita dari mengikut jejak langkah negara Mexico.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak ada meminjam dari institusi-institusi kewangan tempatan secara langsung tetapi

mendapatkan wang daripada penjualan Bil-bil Perbendaharaan dan surat-surat jaminan Kerajaan. Kedua-dua penjualan ini berjumlah \$28,331 juta.

Penjualan Bil-bil Perbendaharaan berjumlah \$2,290 juta manakala penjualan surat-surat jaminan Kerajaan (Government securities) berjumlah \$26,041,000 juta.

Pinjaman-pinjaman ini telah dibuat selepas mengambil kira sepenuhnya segala akibat dan manfaatnya kepada ekonomi dan negara kita selaras dengan strategi belanjawan iaitu khususnya bagi memperbaiki imbalan pembayaran negara. Walaupun pinjaman ini boleh dikatakan tinggi kita tidaklah harus bimbang kerana kedudukan hutang negara masih lagi terkawal. Nisbah bayaran hutang kita masih lagi rendah iaitu sebanyak 6% sahaja pada tahun ini. Selama ini kita telah berjaya membayar balik pinjaman-pinjaman ini mengikut jadual. Itulah sebabnya kedudukan Malaysia dalam pasaran kewangan antarabangsa (credit rating) adalah sangat tinggi. Bank-bank perdagangan di dunia serta juga institusi-institusi kewangan antarabangsa mempunyai kepercayaan dan keyakinan yang sepenuhnya terhadap Malaysia dan mereka sentiasa bersedia memberi pinjaman kepada Malaysia walaupun dalam keadaan kewangan antarabangsa yang kurang baik pada masa ini.

Walaupun kedudukan negara kita adalah baik Kerajaan akan sentiasa berhati-hati apabila membuat pinjaman supaya kedudukan ekonomi negara pada masa hadapan akan terjamin. Langkah-langkah telah diambil untuk mengurangkan perbelanjaan supaya kita tidak perlu meminjam wang terlalu banyak. Semuanya telah diterangkan dalam ucapan Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan semasa

mengemukakan belanjawan Persekutuan bagi tahun 1984. Langkah-langkah ini dijangka akan memperbaiki lagi kedudukan kewangan Kerajaan dan juga hutang negara.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang pertamanya bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan kepada kita apakah kriteria yang menentukan kita meminjam di dalam negeri dan juga meminjam di luar negeri.

Yang kedua, mana satukah pada umumnya faedah yang lebih tinggi kita bayar sama ada bagi pinjaman dalam negeri ataupun pinjaman luar negeri.

Yang ketiga, adakah kita bersedia hendak meningkatkan kadar interest bagi pinjaman dalam negeri supaya kita akan dapat meminjam lebih banyak lagi menggalakkan institusi-institusi dan rakyat dalam negeri kita memberikan pinjaman yang lebih banyak kepada Kerajaan bila sampai masa dan bila diperlukan.

Dato Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, susah saya ingat semua soalan-soalan itu tetapi Kerajaan sentiasa meminjam dari bank-bank atau dari punca-punca kewangan dalam negeri, hanya daripada punca-punca yang tiada ada di dalam banking system iaitu dipanggil non-inflationary source of lending, dengan izin, iaitu seperti dari EPF, dari syarikat-syarikat insurans, dari Bank Simpanan Nasional dan punca-punca ini adalah wang yang tidak pernah masuk kepada banking system. Oleh kerana itu persaingan antara Kerajaan dan pihak swasta langsung tidak timbul dan tidak akan menaikkan kadar faedah dalam negeri kita.

Kerajaan sentiasa meminjam dari luar negeri mengikut keperluan negara kita iaitu bergantung kepada projek-projek yang ada yang telah

dirancangkan yang dianggap sebagai projek yang penting kepada masyarakat dan negara kita dan punca-punca dari luar negeri yang Kerajaan sentiasa memilih adalah dari institusi-institusi kewangan seperti Bank Dunia, Asian Development Bank, IMF dan lain-lain di mana kadar faedahnya adalah lebih rendah jika dibanding dengan pemasaran kewangan antarabangsa dan juga lagi lain punca adalah peminjam dua hala antara negara-negara tertentu yang akan membiayai projek-projek yang dilaksanakan oleh kontraktor-kontraktor dari negara asing itu dan ini juga adalah beberapa bahagian iaitu sesuatu bahagian dari Kerajaan negara asing itu yang sentiasanya adalah kadar faedah yang menarik sekali dan lagi satu bahagian daripada kadar pemasaran kewangan.

Lain-lain soalan, jika boleh, tolong ulang sekali lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah habislah.

Tuan Yew Foo Weng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Timbalan Menteri ada menyatakan angka-angka pinjaman oleh Kerajaan. Saya ingin bertanya iaitu adakah angka ini termasuk pinjaman-pinjaman yang dipinjam oleh agensi-agensi Kerajaan seperti LLN, Keretapi Tanah Melayu dan sebagainya. Adakah angka-angka yang diberikan termasuk pinjaman oleh agensi-agensi tersebut.

Dato Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, nisbah bayaran hutang-hutang yang saya telah sebutkan tadi iaitu 6% adalah angka untuk Kerajaan sahaja dan tidak termasuk agensi-agensi lain.

KILANG CCM—PENCEMARAN ALAM SEKITAR

7. **Tuan V. Govindaraj** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar

menyatakan apakah hasil siasatan Kementerian beliau terhadap kilang CCM di Kelang dan apakah tindakan yang diambil untuk mencegah pencemaran sungai dan alam sekitar, serta penyakit-penyakit yang dihidang kepada pekerja-pekerja di kilang itu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua, atas permintaan Kerajaan Negeri Selangor satu penyiataan yang menyeluruh dan kemas kini telah dijalankan bersama oleh tiga agensi Kerajaan iaitu Jabatan Kilang dan Jentera, Kementerian Kesihatan dan Jabatan Alam Sekitar dan hasil dari itu satu laporan terperinci telah dikemukakan pada bulan Ogos, 1982 kepada Kerajaan Negeri Selangor oleh Jabatan Alam Sekitar yang menjadi penyelar tentang masalah pencemaran alam sekitar akibat operasi kilang Chemical Company of Malaysia Bhd.

Satu daripada perakuan yang dibuat ialah untuk mengadakan satu kawasan penempatan (buffer zone) di antara kilang ini dengan kawasan perumahan. Perwujudan kawasan ini merupakan satu standard yang perlu untuk mengurangkan kekesanan kagiatan perindustrian ke atas kawasan perumahan kerana kesemua kilang-kilang perusahaan akan sedikit sebanyak mengeluarkan atau mengakibatkan pencemaran. Berkaitan dengan ini Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor telah menyatakan bahawa permohonan bagi membina rumah akan hanya dipertimbangkan jika kawasannya terletak tidak kurang dari 1.6 km dari kilang tersebut.

Keduanya, ialah dengan mengadakan program pengawasan yang berterusan ke atas pelepasan dan pencemaran yang bertujuan untuk mengurangkan kesan pencemaran oleh kilang tersebut.

Di samping itu kilang ini juga sedang melaksanakan perubahan ke atas proses-proses yang terlibat dengan belanja sebanyak \$17 juta, yang apabila siap nanti tidak akan lagi mengeluarkan bahan-bahan toksid.

Mengenai pencemaran udara pula, kilang tersebut telah memberi jaminan bahawa pihaknya akan memasang alat tertentu untuk mengurangkan bahan-bahan pencemaran yang seterusnya akan menghapuskan asap yang dikeluarkan oleh loji asid nitriknya.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya memaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa kilang ini telah ditubuhkan dalam tahun 1965 lagi. Tetapi semakin ramai penduduk telah membuka perkampungan berdekatan dengan kawasan kilang tersebut. Sebagaimana dikatakan pada awal tadi kawasan perindustrian hendaklah dipisahkan dari kawasan perkampungan atau perumahan melalui zon penampunan (buffer zone). Jadi untuk mengatasi masalah ini ialah dengan memindahkan penduduk-penduduk di situ ke kawasan yang baru atau memindahkan kilang itu ke tapak yang lebih sesuai. Walau bagaimanapun keputusan ini adalah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.

Beralih kepada penyakit-penyakit yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, suka saya memaklumkan bahawa berdasarkan kepada rekod-rekod rasmi adalah didapati bahawa tidak terdapat sebarang laporan dari mana-mana Pegawai Perubatan yang mengesahkan mana-mana pekerja di kilang tersebut mendapat penyakit perusahaan disebabkan oleh kilang itu.

Tuan Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan bahawa salah satu langkah yang akan diambil oleh pihak

Kerajaan Negeri apabila Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor mengumumkan iaitu satu kawasan penempatan atau buffer zone akan diminta dilaksanakan di kawasan tersebut lebihkurang 1.6 km jaraknya daripada kilang tersebut. Dengan demikian, kalau Kerajaan melaksanakan kawasan buffer zone seperti yang diumumkan itu ini akan mengakibatkan kerugian kepada pihak Kerajaan Negeri, kerana kawasan tersebut tidak dapat digunakan untuk pembinaan perumahan dan sebagainya. Jadi adakah pihak kilang yang berkenaan akan membayar ganti rugi di atas tindakan untuk mengadakan buffer zone yang tersebut.

Yang kedua, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengumumkan iaitu tidak ada pekerja-pekerja kilang yang telah terkena penyakit akibat daripada bekerja di kilang tersebut. Jadi adakah penduduk-penduduk di sekitar kilang tersebut mengalami ataupun mengidap penyakit yang diakibatkan oleh kehadiran kilang tersebut; dan

Ketiga, sepertimana yang diketahui Akta Kualiti Alam Sekitar memperuntukkan syarat-syarat untuk mendapat kebenaran daripada Bahagian Alam Sekitar sendiri dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi kilang-kilang yang telah dibina sebelum kuatkuasa Akta Kualiti Alam Sekitar.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan tambahan pertama tadi, berkaitan dengan kawasan penempatan di antara kawasan perindustrian dan kawasan perkampungan atau perumahan maka masalah ganti rugi ini tidak akan timbul, oleh kerana Kerajaan bercadang untuk menjadikan kawasan itu sebagai kawasan perindustrian ringan.

Berkenaan dengan soalan tambahan yang kedua tentang penyakit itu telahpun dijawab di dalam jawapan saya tadi. Mengikut rekod-rekod Kementerian saya, kami tidak ada menerima apa-apa laporan yang menunjukkan ada apa-apa kaitan dengan masalah itu.....

Tuan Yang di-Pertua: Jawapan itu bukan bersangkutan dengan orang-orang yang bekerja di dalamnya. Pertanyaannya ialah jiran-jiran, adakah sakit juga.

Tuan Law Hieng Ding: Mengikut aduan-aduan yang diterima oleh Kementerian saya tidak ada apa-apa kaitan.

Yang ketiga, saya minta ulang sekali lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian kepada kilang-kilang yang dibina sebelum undang-undang ini dikuatkuasakan.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, kalau saya tidak salah faham tujuan pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu ialah berkenaan dengan kilang-kilang yang telah didirikan sebelum undang-undang itu dikuatkuasakan, dan apa tindakan yang diambil oleh Kementerian saya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, mengikut undang-undang yang ada sekarang, Kementerian saya adalah memberi masa iaitu dengan izin, grace period untuk kilang-kilang ini mematuhi peraturan-peraturan yang ada atau dikehendaki di bawah Akta Kualiti Alam Sekitar 1974. Selepas itu semua peraturan-peraturan yang dibuat di bawah akta itu akan dipatuhi oleh semua kilang-kilang yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr Koh Tsu Koon. tidak hadir.

(Soalan No. 8 Y.B. Dr Koh tidak hadir)

PERKHIDMATAN PELAJARAN— PELUANG KENAIKAN PANGKAT

9. **Wan Ibrahim bin Wan Abdullah** minta Menteri Pelajaran menyatakan peratus jawatan kenaikan pangkat bagi tiap-tiap kategori dalam perkhidmatan Pelajaran dan apakah menjadi dasar Kementerian ini dalam melaksanakan kenaikan pangkat bagi kategori C2 hanya guru-guru lelaki sahaja yang terlibat, sedangkan guru-guru perempuan tidak.

Timbalan Menteri Pelajaran (Datuk Dr Tan Tiong Hong): Tuan Yang di-Pertua, sukacita dimaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa peratus jawatan-jawatan kenaikan pangkat bagi tiap-tiap kategori dalam Perkhidmatan Pelajaran dalam bidang perguruan berdasarkan pada jawatan-jawatan yang diwujudkan dalam tahun 1983 adalah seperti berikut:

<i>Kategori</i>	<i>Peratus</i>
D1	11.9%
D3	6.34%
T1	6.47%
C1	6.67%
T2	14.05%
C2	10.61%
T3	2.57%

Untuk makluman Yang Berhormat juga, dalam mempertimbangkan kenaikan pangkat bagi guru-guru dalam semua kategori, Kementerian Pelajaran memberi pertimbangan yang sama tanpa mengira sama ada guru-guru berkenaan adalah guru-guru lelaki ataupun guru-guru perempuan.

Dalam Perkhidmatan Pelajaran, perkara kenaikan pangkat bergantung kepada jawatan-jawatan yang diadakan di dalam perkhidmatan itu. Dalam sebaran urusan kenaikan pangkat yang diadakan oleh Kementerian Pelajaran kriteria yang digunakan atas calon-calon adalah berpandukan kepada Perintah Am Bab 'A' dan lain-lain Pekeliling yang berkaitan dengan tatacara kenaikan pangkat.

Kenaikan pangkat seseorang Pegawai Perkhidmatan Pelajaran itu adalah semata-mata atas kebolehan, kecekapan, sifat-sifat peribadi, kelulusan serta pengalaman yang sesuai dengan jawatan yang hendak diisi. Kekananan dalam jawatan atau seniority dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, hanya diambilkira apabila dua atau lebih pegawai didapati mempunyai kebolehan yang sama.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi memberikan angka-angka mengenai luang-luang kenaikan pangkat bagi Pegawai Perkhidmatan Pelajaran untuk semua kategori D1, D2, C1, C2 dan saya dapati bahawa angka-angka yang diberikan itu pada saya masih lagi terlalu kecil. Oleh kerana terlalu sempitnya luang-luang kenaikan pangkat bagi Pegawai Perkhidmatan Pelajaran atau guru-guru ini bagi semua kategori, maka menyebabkan ramai guru-guru tersebut yang telah lama mencapai tanggagaji maksima tetapi masih belum lagi dinaikkan pangkat. Perkara ini mungkin menyebabkan mereka tidak lagi memperlihatkan kecemerlangan tugas dan menyebabkan ada diantara mereka meletakkan jawatan ataupun mohon pencen secara sukarela setelah mereka ini mencapai umur 50 tahun. Soalannya adakah Kerajaan bercadang untuk mengwujudkan lebih banyak lagi luang-luang kenaikan

pangkat kepada Pegawai-pegawai Perkhidmatan Pelajaran kategori D dan kategori C misalnya di Kementerian-kementerian Pelajaran, Jabatan-jabatan Pelajaran Negeri dan juga Pejabat-pejabat Pelajaran Daerah dan di sekolah-sekolah? Misalnya, kalau di sekolah itu guru kerjaya yang menanggung beban tugas yang banyak serta guru kanan matapelajaran yang menanggung beban tugas yang banyak diupgradakan dengan izin, jawatan-jawatan tersebut agar luang-luang kenaikan pangkat di sekolah-sekolah ini dapat diperbanyakkan bagi mengisi guru-guru yang kanan yang telah mencapai tanggungjawab maksima tersebut dinaikkan pangkat. Terima kasih.

Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, untuk memberikan peluang yang lebih kepada profesion perguruan untuk mendapatkan lebih peluang kenaikan pangkat, Kementerian Pelajaran telah mengambil beberapa langkah yang positif dan juga sentiasa mengkaji langkah-langkah lain untuk memberi peluang yang lebih luas kepada guru-guru yang disebutkan. Apa yang telah dilaksanakan pada peringkat ini untuk memberikan lebih peluang kepada guru-guru dinaikkan pangkat, Kementerian Pelajaran ada dua saluran atau dua kategori iaitu kenaikan pangkat di dalam kategori sendiri iaitu kalau sesatu guru di dalam kategori C2, peluang akan diberikan kepada beliau dinaikkan pangkat sebagai guru biasa, guru tingkatan khas dan guru superscale, juga peluang telah diberi kepada guru-guru untuk mendapatkan academic qualification yang lebih tinggi mengikuti kursus di dalam institusi-institusi pelajaran tinggi dan mereka akan diberi peluang apabila mereka lulus dinaikkan pangkat masuk kategori lain. Misalnya kalau seseorang guru di C2 telah diberi peluang untuk mengikuti kursus di

dalam institusi pelajaran tinggi dan selepas lulus beliau dapat kenaikan pangkat ke C2 ataupun kepada D1, mengikut kelulusan yang beliau dapati. Sebagai satu lagi satu cara untuk memberi peluang kepada guru-guru mengadakan motivasi yang menarik Kementerian Pelajaran juga telah menubuhkan Jabatan-jabatan Daerah di beberapa negeri dan jawatan-jawatan sebagai Pegawai Pelajaran Daerah pun telah diberi kepada guru-guru yang ada kelayakan dan ini pun ialah satu cara untuk menaikkan pangkat. Dan lagi satu baru-baru ini satu cara yang telahpun dimulakan ialah Kementerian Pelajaran akan mengisikan jawatan-jawatan di MSD atau Pegawai Pelajaran di luar negeri dengan guru-guru dan ini sedang dilaksanakan dan dengan cara-cara ini tidak benarlah apa yang Berhormat sebutkan tadi bahawa oleh kerana tidak ada peluang guru-guru meletakkan jawatan. Walau bagaimanapun, ada juga sebilangan guru yang tidak begitu puas hati oleh sebab-sebab lain dan ini terpulang kepada guru-guru yang berkaitan. Terima kasih.

Datin Paduka Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu satu aspek lagi mengenai kenaikan pangkat bagi guru-guru iaitu kita tahu Kementerian Pelajaran kekurangan guru-guru pakar (specialist teachers), misalnya guru ilmu hisap, sains, bahasa dan juga guru-guru kanak-kanak cacat, mengajar kanak-kanak pekak dan sebagainya. Oleh kerana sistem kenaikan pangkat ini iaitu apabila mereka sampai masanya mestilah menjadi pentadbir seperti Guru Besar misalnya, maka kepakaran mereka itu tidak dapat lagi digunakan, mereka tidak lagi mengajar mata-mata pelajaran khas (specialisation) itu tadi, tidakkah boleh Kementerian Pelajaran mengadakan sistem kenaikan pangkat

seperti Yang Berhormat katakan tadi iaitu mengikut peringkatnya sendiri misalnya kalau dia sebagai guru specialist yang mengajar satu-satu matapelajaran, biarlah dia sampai ke peringkat yang paling tinggi dia terus mengajar, tidakkah boleh Kementerian Pelajaran mengadakan kenaikan pangkat seperti itu?

Dato' Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, cara-cara dan saluran-saluran yang saya sebutkan tadi pun boleh diikuti oleh guru-guru specialist, misalnya guru-guru specialist untuk murid-murid cacat, dan peluang telah dan akan diberi kepada guru-guru yang mengambil qualification yang lebih tinggi dari semasa ke semasa.

Oleh sebab bilangan guru-guru di dalam kategori specialist ini sangat kecil, barangkali peluang ini dilihat sebagai lebih sedikit kalau dibandingkan dengan bilangan guru-guru biasa, tetapi peluang-peluang adalah sama untuk guru-guru specialist dan guru-guru biasa.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr George Chan Hong Nam.

(Soalan No. 10 Y.B. Dr George Chan Hong Nam tidak hadir)

SISTEM "SECULAR"

11. Tuan Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau bersedia memberi satu janji kepada orang-orang bukan Islam di negara ini satu sistem "secular" tetap akan dikekalkan dalam negara kita. Jika tiada, sila beri sebab-sebab.

Tuan Awang bin Jabar: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Yang Berhormat itu, suka saya menegaskan bahawa negara kita Malaysia mengamalkan sistem demokrasi berparlimen. Sistem ini telah memberi peluang kepada rakyat untuk menentukan corak pemerintahan

negara ini. Parti-parti politik sama ada daripada komponen Barisan Nasional dan parti-parti lain diberi peluang untuk menduduki Dewan Rakyat melalui proses pilihanraya yang diadakan dari semasa ke semasa. Kita percaya sistem demokrasi berparlimen yang kita amalkan sekarang ini mendapat sokongan dan kepercayaan semua rakyat.

Buat masa ini saya tidak fikir sistem lain yang lebih baik daripada sistem yang ada sekarang. Maka dalam hal ini soal "secular" atau "tidak secular" tidak timbul kerana kita percaya sistem demokrasi berparlimen yang ada sekarang ini sudah menjadi amalan kita dan diterima oleh semua peringkat masyarakat di dalam negara kita ini.

Tuan Gooi Hock Seng: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Setiausaha Parlimen menjelaskan bagaimana kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini yang menyatakan bahawa Malaysia hendaklah menjadi sebuah Negara Islam Contoh dapat direconcilekan dengan semangat Perlembagaan yang membayangkan Malaysia sebagai sebuah negara "secular" serta berbagai ugama.

Tuan Awang bin Jabar: Maksud Perdana Menteri itu, Tuan Yang di-Pertua, ialah supaya negara Islam dengan projek-projek keislaman yang dilaksanakan di negara ini menjadi contoh kepada negara-negara Islam lain di dunia ini.

RANCANGAN UGAMA DI TV

12. Tuan Mohd. Razlan bin Haji Abdul Hamid minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa rancangan-rancangan berhubung dengan masalah Agama Islam, seperti Bimbingan Agama Islam dan Ibadah Haji

mendapat sambutan yang menggalakkan dari seluruh umat Islam di negara ini. Adakah beliau juga sedar bahawa rancangan-rancangan tersebut disiarkan selepas waktu Azan Magrib atau Isyak, yang mana umat Islam yang meminati rancangan-rancangan tersebut tidak dapat mengikutinya disebabkan waktu sembahyang. Jika sedar, adakah beliau bercadang untuk mengubah waktu siarannya ke suatu masa yang sesuai agar semua umat Islam dapat mengikutinya dan mempelajari dari rancangan tersebut.

Menteri Penerangan (Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar rancangan-rancangan agama di TV seperti yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu mendapat sambutan yang menggalakkan. Rancangan Bimbingan Agama pada suatu masa dahulu pernah disiarkan selepas Azan Magrib, tetapi tidak pernah disiarkan selepas Azan Isyak. Walau bagaimanapun, masa siaran rancangan ini telah pun ditukarkan kepada pukul 6.15 petang semenjak 16hb Ogos, tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Chan Kok Kit.

(Soalan No. 13 Y.B. Tuan Chan Kok Kit tidak hadir)

PROSES ISLAMISASI

14. Tuan Fung Ket Wing minta Perdana Menteri menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk menyakinkan orang-orang bukan Islam bahawa proses Islamisasi tidak akan menjejaskan kebebasan mereka untuk menganuti agama mereka masing-masing seperti terjamin oleh Perlembagaan Persekutuan, dan sebagai membuktikan kejujuran Kerajaan dalam perkara tersebut sama ada

Kerajaan akan mengambil langkah-langkah untuk meninggikan keimanan orang-orang bukan Islam seperti dengan mewajibkan pengajaran agama kepada murid-murid bukan Islam dalam agama mereka masing-masing, mengadakan rancangan-rancangan agama di Radio dan Televisyen, menanggung pembinaan dan penyelenggaraan tempat-tempat ibadat orang-orang bukan Islam; jika tidak, mengapa.

Tuan Awang bin Jabar: Tuan Yang di-Pertua, penerapan nilai-nilai Islam bukanlah bermakna Kerajaan mahu menyekat orang-orang bukan Islam daripada menganuti agama mereka. Apa yang dipentingkan di dalam penerapan nilai-nilai Islam ialah sifat-sifat keteguhan, keunggulan dan universalisma yang boleh diterima oleh semua bangsa dan kaum.

Dalam Perlembagaan Malaysia juga telah jelas tercatat bahawa penganut-penganut agama-agama lain selain daripada agama Islam, bebas menganut dan mengamalkan kepercayaan masing-masing.

Tuan Gooi Hock Seng: Soalan tambahan. Bolehkah Setiausaha Parlimen memberitahu sama ada Kerajaan sedar negara-negara Islam seperti Pakistan membenarkan siaran agama selain daripada agama Islam di Radio dan Televisyen? Jika ya, sama ada Kerajaan akan membenarkan siaran agama lain seperti Hinduism, Buddhism dan Christianity di Radio dan Televisyen.

Tuan Awang bin Jabar: Itu soalan lain, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya setuju.

Soalan berbalik semula. Soalan No. 2, Yang Berhormat Datuk Alfred Jabu anak Numpang.

Tuan Richard Dampeng anak Laki: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 2.

**HOSPITAL DAERAH DI BETONG—
PEMBINAAN**

2. Tuan Richard Dampeng anak Laki (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Kesihatan menyatakan mengapa Projek Membina Hospital Peringkat Daerah di Bentong, Bahagian Kedua Sarawak tidak terus dijalankan. Setakat ini wang yang sudahpun diperuntukkan oleh Dewan Rakyat pada bulan Oktober, 1982 untuk Hospital Daerah Betong belum lagi dibelanjakan. Nyatakan bilakah hospital tersebut akan dibina untuk rakyat di seluruh Daerah Saribas yang berjumlah kurang lebih 50,000 yang memerlukan hospital ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Yeoh Poh San): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan telah pun memperolehi tapak tanah untuk Hospital Daerah Betong di Bahagian Kedua, Sarawak dengan harga sebanyak \$94,192.

Adalah dirancangan bahawa hospital ini akan mempunyai Perkhidmatan Rawatan Pesakit Dalam, dengan 100 buah katil, bersama-sama dengan Perkhidmatan Pesakit Luar, Perkhidmatan Kesihatan dan Pergigian melalui Pusat Kesihatan Daerah di mana hospital itu akan terletak.

Pembinaan hospital ini akan bermula apabila proses penyediaan pelan-pelan, kajian mendalam dan proses tawaran diselesaikan dan peruntukan disediakan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang.

Tuan Fung Ket Wing: Tuan Speaker, dengan izin, soalan No. 3.

**CHARTERED BANK/HONG KONG
AND SHANGHAI BANK—
PENYUSUNAN SEMULA**

3. Tuan Fung Ket Wing (di bawah S.O. 24(2)) minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada benar Kerajaan telah membekukan rancangan untuk menyusun semula Chartered Bank dan Hong Kong and Shanghai Bank terutamanya berkait dengan penyertaan ekuiti bumiputera kerana masalah-masalah "cash-flow" yang dihadapi oleh Kerajaan; dan nyatakan butir-butir mengenai rancangan-rancangan penyusunan semula dan "financial outlays" yang terlibat untuk kedua-dua Chartered Bank dan Hong Kong and Shanghai Bank.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, kedua-dua buah bank yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu telah mengemukakan kepada Bank Negara Malaysia cadangan-cadangan untuk menyusun semula operasi cawangan-cawangan mereka di Malaysia. Memandangkan kedudukanimbangan pembayaran negara yang tidak begitu baik pada ketika ini, pihak Kerajaan berpendapat adalah wajar untuk menunda penyusunan semula pemilikan bank-bank tersebut dalam mana rakyat Malaysia akan dipelawa untuk membeli saham-sahamnya. Pembelian saham-saham tersebut akan mengakibatkan pengaliran keluar wang modal, dan selanjutnya akan memburukkan lagiimbangan pembayaran negara. Penyusunan semula pemilikan akan dikaji semula apabila keadaan ini bertambah baik.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr Koh Tsu Koon.

Tuan Richard Dampeng anak Laki: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 8.

TAMBAHAN TEMPAT DI UNIVERSITI-UNIVERSITI

8. Tuan Richard Dampeng anak Laki (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan anggaran jumlah bilangan tempat universiti tambahan yang diperlukan bagi tahun 1984 akibat dari keputusan Kerajaan untuk mengurangkan bilangan pelajar yang dihantar ke luar negeri untuk pengajian tinggi. Apakah implikasi-implikasi kewangan dari tambahan ini. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menghadapi tekanan yang dijangka akan timbul dari beberapa pihak yang berlainan. Adakah Kerajaan bercadang untuk membesarkan Rancangan Pengajian Luar Kampus USM dan/atau mengadakan kursus-kursus melalui pos (*correspondence courses*) di universiti-universiti lain. Adakah Kerajaan akan membenarkan pihak swasta menubuhkan institusi-institusi pelajaran tinggi untuk membantu menampung permintaan yang tinggi ini.

Dato' Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, anggaran bilangan tempat kemasukan yang dapat diadakan bagi tahun 1984 ialah kira-kira 7,700, bertambah daripada 6,890 pada tahun 1983, iaitu tambahan kira-kira sebanyak 810 tempat.

Universiti Keenam dan Universiti Islam Antarabangsa akan memberi tambahan tempat sebanyak 500, manakala universiti-universiti lain dijangka dapat memberi tambahan sebanyak kira-kira 310 tempat daripada tahun ini. Buat masa ini jumlah-jumlah tempat di dalam negeri masih terhad. Oleh itu, tempat-tempat di luar negeri masih diperlukan.

Dasar mengurangkan penghantaran pelajar-pelajar Malaysia ke luar negeri adalah satu dasar jangka panjang dan perlu mengambil masa.

Berkenaan dengan implikasi kewangan Kerajaan akan dapat menjimatkan wang dari tukaran asing jika kita mengurangkan penghantaran pelajar-pelajar ke luar negeri.

Setakat ini, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang membesarkan rancangan pengajian luar kampus Universiti Sains Malaysia ataupun mengadakan kursus-kursus melalui pos.

Berkenaan penubuhan institusi pelajaran tianggi, Tuan Yang di-Pertua, penubuhan institusi pelajaran tinggi ini ialah tanggungjawab Kerajaan dan buat masa ini belum ada cadangan untuk mengswastakan tugas tersebut.

Tuan Gooi Hock Seng: Soalan tambahan. Bolehkah Timbalan Menteri menjelaskan, adakah Kerajaan akan memperluaskan kapasiti universiti-universiti tempatan sehingga kadar maksima untuk pelajar-pelajar tempatan, jika ya, nyatakan bilangan tempat yang maksimanya dan adakah Kerajaan juga bercadang menubuhkan satu universiti terbuka untuk membolehkan rakyat kita melanjutkan pelajaran mereka. Kalau tidak apa sebab-sebabnya.

Dato' Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, untuk soalan pertama, ada. Untuk soalan kedua, konsep open university ialah satu konsep di mana kita sedang jalankan di Universiti Sains Malaysia di mana kursus-kursus luar kampus pun telah diberi kepada calon-calon yang ada kelayakan tetapi pada peringkat sekarang, tadi saya pun telah memberi jawapan, Kerajaan tidak bercadang membesarkan rancangan ini, tetapi mungkin di masa depan kita akan memberi pertimbangan yang sewajarnya.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa perbelanjaan bagi seorang pelajar yang dihantar ke luar negeri itu tiga atau empat kali ganda lebih tinggi daripada pelajar-pelajar yang kita adakan di dalam negeri kita sendiri. Jadi, dengan sebab itu, apakah pihak Kementerian bercadang untuk mengadakan kursus pra universiti (pra U) ataupun kursus A level yang kita ada sekarang ini diadakan dalam negeri. Ini bukan sahaja dapat mengurangkan tukaran wang tetapi dapat menjimatkan ataupun memperbanyakkan lagi pelajar yang mendapat pelajaran tinggi.

Dato' Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada pandangan Yang Berhormat. Kementerian Pelajaran pun sekarang sedang melaksanakan skim untuk mengadakan lebih lagi murid-murid kita mengambil A level di dalam negeri kita sendiri.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengatakan bahawa universiti keenam dan Universiti Islam akan mengadakan tempat tambahan lagi sebanyak 500 lebih bagi mahasiswa-mahasiswa kita pada masa depan. Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah nama universiti keenam itu masih belum ada lagi ataupun terus hendak pakai universiti Keenam. Bilakah pihak Kementerian boleh isytiharkan nama yang baru.

Dato' Dr Tan Tiong Hong: Saya harap, Tuan Yang di-Pertua, tak lama lagi kita akan boleh membuat pengumuman.

Tuan Yang di-Pertua: Penghabisan.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Soalan tambahan berkenaan penampahan student yang akan diambil dan tempat-tempat yang ada dalam universiti-universiti, adakah tidak akan menjejaskan pembelajaran dan juga mendatangkan tekanan kepada kemudahan-kemudahan (facilities) yang ada di universiti-universiti yang pada masa ini saya berpendapat sudah agak terdesak.

Dato' Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, kita akan mengambil langkah-langkah yang sesuai apabila kita menambahkan lagi bilangan murid-murid di institusi-institusi pelajaran tinggi dan kemudahan-kemudahan yang perlu diberi dan ditambah juga akan diberi dan tidak akan menjejaskan taraf pelajaran di institusi-institusi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr George Chan Hong Nam.

Tuan Bahari bin Haron: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 10.

PINJAMAN/BANTUAN LUAR NEGERI

10. Tuan Bahari bin Haron (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) jumlah pinjaman luar negeri yang Negara kita telah menerima pada tahun 1978 hingga Jun 1983 dan dalam projek atau pelaburan apakah yang pinjaman tersebut digunakan; dan

(b) jumlah bantuan kewangan yang diterima daripada negara-negara maju dan adakah bantuan tersebut diberi dengan "strings attached" atau apa-apa ikatan.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan (a) jumlah pinjaman luar negeri yang negara kita telah terima daripada tahun 1978 hingga Jun 1983 adalah \$17,003.83,000 juta. Jumlah ini digunakan dalam sektor atau pelaburan seperti di bawah:

Pembangunan Am	\$10.9	ribu	juta
Tenaga	\$1.5	ribu	juta
Pertanian	\$1.4	ribu	juta
Pengangkutan ..	\$1.1	ribu	juta
Pertahanan	\$820	juta	
Pembangunan	\$462	juta	
Perusahaan			
Kemudahan Awam	\$329	juta	
Pelajaran	\$240	juta	
Kesihatan	\$108	juta	

Jumlah \$17,003 ribu juta adalah didapati dari punca-punca berikut:

Pasaran Terbuka ..	\$11.6	ribu	juta
Pinjaman Dua Hala	\$2.6	ribu	juta
Bank Dunia	\$1.6	ribu	juta
Bank Pembangunan Asia	\$1,061	ribu	juta

Jawapan kepada (b) pada umumnya Bank dunia, Bank Pembangunan Asia, Bank Pembangunan Islam, Tabung Kewangan Saudi, Tabung Kewangan Kuwait tidak mengenakan apa-apa ikatan. Dengan lain-lain perkataan, pinjaman tersebut boleh digunakan untuk membiayai projek-projek yang dilaksanakan oleh mana-mana kontraktor yang berjaya sama

ada syarikat tempatan ataupun luar negeri. Pinjaman dari negeri-negeri asing seperti United Kingdom, France, Germany, Italy dan Switzerland adalah semata-mata untuk membiayai projek-projek yang kontraknya dilaksanakan oleh firma-firma dari negara-negara berkenaan. Dengan lain perkataan, pinjaman-pinjaman ini adalah dikhaskan untuk membiayai pembekalan alat-alat kelengkapan dan perkhidmatan dari negara-negara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Chan Kok Kit.

Tuan Fung Ket Wing: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 13.

KEDIAMAN BARU PERDANA MENTERI

13. Tuan Fung Ket Wing (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kerjaraya menyatakan:

- kos asal yang dianggarkan untuk kediaman baru Perdana Menteri dan kos yang sebenarnya harus ditanggung oleh Kerajaan;
- kos membeli rumah tersebut dari Malaysian Mining Corporation dan perbelanjaan yang ditanggung untuk mengubahsuai/membaiki rumah tersebut;
- perbelanjaan yang ditanggung untuk membuat "decoration" dan "furnishing", dan
- mengapa orang ramai dilarang daripada mengambil gambar kediaman baru Perdana Menteri oleh guard-guard di situ yang menurut mereka bertindak atas arahan Menteri Kerjaraya, dan apakah

tindakan seumpama itu selaras dengan sebuah Kerajaan yang "terbuka dan liberal".

Timbalan Menteri Kerjaraya (Dato' Dr Nik Hussain bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, kos asal dianggarkan untuk kediaman baru Perdana Menteri ialah sebanyak \$8 juta dan kos yang sebenar yang telah ditanggung oleh Kerajaan ialah dalam lingkungan \$11 juta. Kos membeli tapak dan rumah lama dari Malaysian Mining Corporation termasuk harga tanah berdekatan ialah sebanyak \$2.1 juta dan kerja-kerja mendirikan structure bangunan termasuklah pembinaan bangunan-bangunan seperti rumah kakitangan dan berek polis ialah sebanyak \$4,228,743. Perbelanjaan yang ditanggung untuk membuat decoration dan furnishing dan sebagainya pula adalah berjumlah \$1,331,723.62 sen.

Berhubung dengan larangan bagi orang ramai mengambil gambar di tapak binaan di masa pembinaan, sebenarnya ini bukanlah satu perkara yang luar biasa. Adalah dimaklumkan bahawa larangan seperti ini senantiasa dibuat untuk semua tapak-tapak binaan di bawah jagaan JKR. Tujuannya ialah untuk mengelakkan daripada gangguan kepada pekerja-pekerja, keselamatan kepada orang ramai dan kehilangan barang-barang serta alat-alat perkakas binaan. Sayogia dimaklumkan juga bahawa pihak swasta juga mengenakan larangan sedemikian rupa di tapak-tapak binaan yang diuruskan oleh mereka. Oleh itu tindakan melarang orang ramai daripada memasuki kawasan binaan sewenang-wenangnya bagi tujuan mengambil gambar ataupun sebagainya tidaklah ada berkaitan dengan apa yang dikatakan konsep Kerajaan yang "terbuka dan liberal".

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1984

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1984

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan, 1984 dan Anggaran Pembangunan, 1984 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." (Hari Kelima).

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang Dipertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Maksud B. 16, B. 17 dan B. 18 (Jadual)—

Maksud P. 16 dan P 18 (Anggaran Pembangunan, 1984)—

3.31 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar): Tuan Pengerusi, sebagaimana saya nyatakan petang semalam, pemaju swasta pula tidak melaksanakan projek mereka seperti yang diramalkan oleh kerana rumah-rumah yang dibina oleh mereka adalah di luar daripada kemampuan sebahagian besar daripada bakal pemilik rumah.

Selain daripada ini pinjaman daripada Bank-bank bagi rumah yang berharga lebih daripada \$100,000 seunit membawa kepada bayaran faedah yang terlalu tinggi. Faktor ini juga telah menghindarkan pasaran perumahan masakini. Di sektor swasta di dapati daripada sasaran unit 90,000

unit rumah kos rendah sehingga 30hb Jun, 1983 ini terdapat hanya 11,353 unit rumah siap dibina iaitu 12.6%. Di sektor awam pula iaitu rumah kos rendah adalah didapati sehingga 30hb September, 1983 sebanyak 41,659 unit telah siap dibina iaitu 23.6%.

Walau bagaimanapun, Tuan Pengerusi, Kementerian akan berusaha untuk meningkatkan prestasinya dan sekarang ini telah pun mengkaji berbagai aspek pengswastaan untuk program perumahan awam kos rendah.

Ahli Yang Berhormat dari Parit Buntar pula telah membangkitkan mengenai peralatan bomba yang telah lama. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan memang mempunyai rancangan untuk membeli kereta-kereta bomba untuk kegunaan balai bomba di seluruh Malaysia. Pada masa ini Kementerian sedang dalam proses membeli kereta-kereta tersebut. Sebanyak 18 unit kereta bomba jenis water cander, dengan izin, akan sampai pada penghujung tahun ini. Sebanyak dua unit kereta bomba jenis turntable ladder, dengan izin, baharu sahaja diterima dari pembekal. Proses pembelian ini akan dibuat dari masa ke semasa, sehingga semua balai-balai bomba mempunyai kereta-kereta bomba baharu.

Tuan Pengerusi, bagi menjawab perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tenggaroh, perkara kakitangan adalah di bawah bidang kuasa Penguasa-penguasa Tempatan dan Kerajaan Negeri. Akan tetapi penempatan kakitangan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan hanya boleh dilakukan sebagai pinjaman sahaja dengan syarat bahawa Kementerian ini ada pegawai yang boleh dilepaskan. Jumlah kakitangan di Penguasa-penguasa Tempatan tidaklah dikurangkan tetapi apa yang dilakukan sekarang sebagai langkah jimat cermat dalam keadaan ekonomi

merosot ialah di mana kekosongan kakitangan-kakitangan di Penguasa-penguasa Tempatan hanya dibekukan. Walau bagaimanapun, kekosongan kakitangan ini akan dan boleh diisi dengan mendapat persetujuan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam dan jawatan-jawatan yang boleh diluluskan adalah jawatan-jawatan teknikal seperti Pegawai Perubatan, Jurutera, Inspektor Kesihatan, Pegawai Penilai dan sebagainya.

Bagi menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda, Kementerian Kewangan telah pun bersetuju untuk membantu Penguasa-penguasa Tempatan dalam usahanya untuk menilai semula harta-harta di Penguasa-penguasa Tempatan.

Tindakan Kementerian Kewangan ini masih berterusan dan oleh kerana langkah jimat cermat, tindakan Kementerian Kewangan ini tidak dapat dilaksanakan secepat mungkin sebagaimana yang diperlukan.

Tentang garis-garis panduan penilai semula, Kementerian ini kurang berkemampuan untuk berbuat demikian akan tetapi Kementerian ini akan cuba mendapat bantuan daripada Kementerian Kewangan untuk mewujudkan garis-garis panduan ini. Garis-garis panduan ini tidak akan dapat dilaksanakan sehingga Penguasa-penguasa Tempatan ada kakitangan yang mahir dalam perkara penilai harta semula.

Bagi menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar supaya Kerajaan Pusat memberi peruntukan-peruntukan yang lebih untuk menampung belanja mengurus dan pembangunan, adalah sukar untuk diterima oleh Kementerian ini. Pemberian peruntukan kepada Penguasa-penguasa Tempatan adalah berpandukan kepada Perlembagaan Malaysia.

Peruntukan-peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Pusat pada Kerajaan sekarang adalah Grant Pelancaran selepas penyusunan semula dan grant untuk projek-projek kecil. Sebarang peruntukan yang berlebihan yang diminta adalah diberi secara pinjaman setelah dipersetujui oleh pihak Unit Perancang Ekonomi dan Kementerian Kewangan.

Bagi menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit berkenaan dengan masalah kampung-kampung baharu dan kampung-kampung tradisional, Kementerian ini sedang mengkaji perkara ini dan akan membawa perkara ini untuk makluman Majlis Negara bagi memberi kelonggaran syarat pemberian tahunan selenggaraan jalan.

Kementerian ini sedar bahawa jalan di kampung-kampung ini adalah sempit dan garis bangunan daripada sempadan jalan yang ada sekarang tidak melayakkan diri untuk diberi pemberian tahunan selenggaraan jalan. Kelonggaran syarat-syarat yang diminta ini akan membolehkan Penguasa-penguasa Tempatan melayakkan diri untuk mendapat pemberian tahunan selenggara jalan. Dengan cara ini masalah sosio ekonomi yang dibangkitkan akan sedikit sebanyak diperbaiki.

Berhubung dengan persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tenggaroh dan Ulu Muda, mengenai masalah kewangan yang dihadapi oleh Penguasa-penguasa Tempatan, sukalah saya memaklumkan selaras dengan penyusunan semula Penguasa-penguasa Tempatan, Kerajaan Persekutuan telah mengeluarkan

empat jenis bentuk bantuan kepada Penguasa-penguasa Tempatan. Bantuan-bantuan tersebut ialah:

- (1) *Peruntukan untuk projek-projek kecil di Penguasa Tempatan iaitu Butiran Projek (1).* Peruntukan ini adalah digunakan bagi aktiviti-aktiviti infrastruktur seperti parit, jalan, longkang dan lain-lain dan perniagaan atau separuh perniagaan seperti gerai, pasar yang kurang dari \$400,000 kos pembinaannya dan lain-lain lagi.
- (2) *Peruntukan bantuan khas kepada Penguasa-penguasa Tempatan atau Grant Pelancaran.* Peruntukan ini adalah diberikan kepada Penguasa-penguasa Tempatan yang disusun semula melalui Akta Kerajaan Tempatan tahun 1976. Peruntukan ini diberikan berdasarkan formula yang telah ditetapkan dengan mengambil kira keluasan kawasan, penduduk dan jumlah Penguasa-penguasa Tempatan yang terdapat di Semenanjung Malaysia setelah penyusunan semula.

Tujuan bantuan ini pula ialah bagi menyediakan alat-alat kelengkapan (capital equipment) dan kemudahan-kemudahan asas yang lain.

Ketiga, ialah geran tahunan penyenggaraan pihak-pihak Penguasa Tempatan dan bantuan ini ialah bagi tujuan untuk menampung kekurangan wang semasa yang dihadapi oleh Penguasa-penguasa Tempatan seperti membayar gaji kakitangan dan sebagainya.

Bantuan yang keempat ialah sumbangan bantuan mengikut kadar menurut Perkara 156 Perlembagaan Persekutuan. Sumbangan ini ialah bagi membiayai kadar yang dikenakan ke atas harta-harta Kerajaan

Persekutuan yang terdapat di kawasan-kawasan Penguasa-penguasa Tempatan.

Tuan Pengerusi, menyentuh pula mengenai persoalan saluran najis, sukalah dimaklumkan bahawa projek-projek yang tersebut memang ada diberi bantuan secara pinjaman, memandangkan kedudukan ekonomi pada masa sekarang ini, maka projek-projek saluran najis itu yang "contractually committed" sahaja yang mendapat peruntukan dalam tahun 1984.

Berkenaan dengan masalah percanggahan di antara Pejabat Tanah, Pejabat Perancang Bandar dan Desa dan juga penguasa-penguasa tempatan, perkara ini telah ditimbulkan oleh seorang Ahli Yang Berhormat. Saya rasa perkara ini tidak sepatutnya timbul kerana Pejabat Tanah tidak menyediakan pelan-pelan lay out itu. Pejabat Tanah hanya menjadi penyelaras mengikut agensi seranti (one-stop agency) yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri. Pelan-pelan dikemukakan oleh Pejabat Tanah kepada jabatan-jabatan teknikal berkenaan termasuk Jabatan Perancang Bandar dan Desa bagi mendapatkan nasihat untuk diselesaikan dalam masa 2 minggu atau sebulan.

Dalam soal Skim Pinjaman Perumahan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit, taklimat telah pun diberi kepada pihak Kerajaan-kerajaan Negeri dan Kerajaan-kerajaan Negeri melalui Pegawai-pegawai Daerah, sepatutnya memberikan penerangan pula kepada rakyat. Juga penerangan terus diberikan oleh pihak Kementerian kepada pegawai-pegawai di Pejabat-pejabat Tanah, Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung untuk disampaikan maklumat kepada rakyat. Kelonggaran syarat telah pun diberi terutama dari segi umur daripada 45 tahun dilanjutkan

sehingga 48 tahun dan tanah-tanah cagaran orang lain pun boleh diterima. Permohonan-permohonan yang lengkap akan mengambil masa kira-kira satu bulan untuk diproses dan diluluskan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Borang-borang permohonan telah digunakan sejak tahun 1976 lagi iaitu sejak skim ini ditubuhkan dan tidak banyak rungutan untuk mengisi borang tersebut. Walau bagaimanapun, borang tersebut telah diubahsuaikan dari semasa ke semasa. Faedah yang dikenakan bukanlah semata-mata faedah kepada pinjaman tetapi merupakan bayaran perkhidmatan. Bayaran balik bulanan yang paling rendah telah pun dikenakan kerana tempoh bayaran balik pinjaman telah dilanjutkan sehingga 25 tahun.

Bagi makluman Ahli Yang Berhormat dari Parit, mengikut panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian ini, harga rumah awam kos rendah adalah tidak lebih daripada \$25,000. Walau bagaimanapun, jika harga rumah awam kos rendah itu adalah kurang daripada \$25,000, misalnya di negeri Johor harganya ialah \$22,000, harga ini adalah ditetapkan oleh Kuasa Tempatan yang meluluskan tukaran syarat dan pecah sempadan tanah iaitu oleh Kerajaan Negeri yang berkenaan. Bagi rumah-rumah yang berharga lebih daripada \$25,000 rumah itu tidak ditafsirkan sebagai rumah awam kos rendah. Harga rumah-rumah tersebut tidak dikawal oleh Kementerian dan ianya berdasarkan kepada faktor-faktor pasaran (market factors) seperti permintaan dan bekalan (supply and demand). Walau bagaimanapun, jika sekiranya harga sesebuah rumah telah ditetapkan oleh pemaju dan perjanjian jual beli telah ditandatangani di antara kedua-dua pihak, maka harga rumah itu tidak boleh dinaikkan tanpa persetujuan daripada kedua-dua pihak yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Bagan Datuk telah menyentuh tentang syarat-syarat pembahagian rumah. Sebenarnya Kementerian memang ada mengeluarkan syarat-syarat berkaitan dengan pembahagian rumah awam kos rendah untuk kegunaan Kerajaan-kerajaan Negeri. Di antara syarat-syaratnya ialah pemohon perlulah mempunyai pendapatan keluarga tidak lebih daripada \$700 sebulan, belum mempunyai rumah lagi, tinggal di kawasan yang berdekatan dengan projek yang dilaksanakan, sekurang-kurangnya tiga tahun dan mestilah Warganegara Malaysia. Jawatankuasa Pemilih di Peringkat Negeri pula perlulah meyelesaikan pemilihan pemohon yang layak apabila projek itu telah siap 90% supaya penghuni boleh menduduki rumah tersebut apabila rumah berkenaan siap. Sekiranya ada bantahan terhadap permohonan yang berjaya, Kerajaan Negeri yang berkenaan akan menyiasat tuduhan-tuduhan yang diterima dan jika didapati benar tawaran itu akan ditarik balik dari pemohon yang berkenaan.

Mengenai perkara yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Putih berkenaan dengan projek rumah awam kos rendah yang mengambil masa empat atau lima tahun untuk disiapkan, ingin saya maklumkan bahawa perkara ini telah berlaku ke atas projek-projek tertentu di bawah Rancangan Malaysia Kedua dan Rancangan Malaysia Ketiga. Di antara sebab-sebabnya berlaku perkara itu ialah kelambatan mengambil balik tanah milik atau penukaran tapak yang melengahkan penyediaan pelan tata atur dan projek gendala; ada juga kalanya bila projek itu tergendala kerana kontraktornya lari. Masalah ini telah dapat diatasi bagi projek-projek Rancangan Malaysia Keempat. Malah masalah yang dihadapi sekarang ialah ketiadaan peruntukan yang cukup.

Mengenai masalah baru ini, Kementerian sedang mengkaji kemungkinan mengswastakan sebahagian daripada projek-projek yang belum dilaksanakan.

Menyentuh pula, Tuan Pengerusi, tentang perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Putih iaitu tidak banyak peruntukan pembangunan kampung-kampung baru dan kawasan persekitarannya diberikan kepada kampung-kampung tradisional, sungguhpun apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah benar, tetapi kita haruslah meninjau pemberian peruntukan pembangunan secara keseluruhannya. Maksud saya ialah kampung-kampung tradisional dapat menikmati beberapa kemudahan yang dibekalkan melalui program Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan lain-lain agensi seperti kemudahan sambungan api dan air di luar bandar, skim pemulihan kampung, klinik desa, pembinaan jalan dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Larut telah mencadangkan skim seperti skim kampung-kampung tersusun untuk kawasan luar bandar. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kampung-kampung tersusun seperti yang dilaksanakan di Perak mempunyai tujuan tertentu, selain daripada memberikan tapak untuk orang-orang yang memerlukan rumah. Oleh itu, projek tersebut diberi peruntukan dari Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Bagi skim pertapakan dan kemudahan awam pula, sungguhpun Kerajaan secara dasarnya menerima konsep ini tetapi oleh kerana keadaan ekonomi yang dihadapi sekarang, hanya vote tanda sebanyak \$10 sahaja diberi kepada Kementerian bagi tahun 1984.

Bila keadaan ekonomi mengizinkan kita akan melaksanakan projek ini, Insha Allah. Dan seperti sedia maklum oleh Ahli Yang Berhormat, memanglah hasrat Kerajaan untuk membekalkan kemudahan-kemudahan asas seperti air di dalam besi dan api dalam kaca, petik di dinding, di tengah menyala. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi.....

Tuan Pengerusi: Minta ulang sedikit sekali lagi. (*Ketawa*)

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Pengerusi, ini bak-kata orang kawasan saya, kemudahan-kemudahan asas yang patut diberi oleh Kerajaan adalah seperti air dalam besi, api dalam kaca, petik di dinding, di tengah menyala (*Ketawa*).

Tuan Pengerusi, mengenai keraguan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bagan Datuk, iaitu bagi memastikan bahawa pemaju-pemaju perumahan mestilah mematuhi syarat-syarat yang dikenakan kepada mereka supaya peruntukan sebanyak 30% daripada rumah-rumah yang dibina dijual kepada bumiputera, Kementerian berpendapat bahawa perkara ini adalah bidang kuasa Kerajaan-Negeri.

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, pada lazimnya Kerajaan-kerajaan Negeri mengenakan syarat ini apabila seseorang pemaju itu memohon tukar syarat dan pecah sempadan dari tanah pertanian kepada perumahan. Syarat memperuntukkan 30% daripada rumah yang dibina di sesuatu skim adalah sebagai syarat kelulusan untuk tukar syarat dan pecah sempadan tersebut. Walau bagaimanapun Kementerian boleh memberitahu Kerajaan-kerajaan Negeri jika ada penyelewengan berlaku mengenai perkara ini, dan kuasa mutlak adalah terletak di tangan Kerajaan-kerajaan Negeri.

Berhubung dengan kebakaran, Tuan Pengerusi, di mana sembilan pintu rumah kedai jenis sementara di Titi Gantung pada 8hb Oktober, 1983 seperti yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit, sukalah saya memaklumkan bahawa adalah di dalam rancangan Kementerian dan Jabatan Bomba untuk mendapatkan lebih banyak balai bomba di tempat-tempat yang memerlukan mengikut risiko yang ada di dalam satu-satu kawasan itu. Oleh sebab kos pembinaan balai bomba dan juga kos membeli jentera bomba serta membiayai kakitangan-kakitangan adalah tinggi, maka tidaklah dapat semua tempat diadakan balai-balai bomba baru.

Walaupun bagaimanapun, untuk mengatasi masalah ini buat sementara waktu Kementerian dan juga Jabatan Bomba mempunyai konsep di dalam penubuhan bomba gotong-royong di mana rakyat tempatan boleh memainkan peranan di dalam mencegah dan mengawal harta-benda mereka sendiri daripada kemusnahan kebakaran.

Jabatan Bomba memang mempertingkatkan aktiviti-aktivitinya untuk mempertingkatkan pengetahuan rakyat di dalam cara-cara mencegah kebakaran kerana ini difikirkan bahawa mencegah adalah lebih baik daripada memadam. Dengan itu Jabatan Bomba sentiasa terbuka kepada orang ramai untuk memberi ceramah, penerangan dan pertunjukan mengenai cara-cara mengawal, memadam dan mencegah kebakaran.

Di dalam perkara ini mungkin Ahli Yang Berhormat dari Parit boleh memberi kerjasama di dalam memberi penggalakan kepada penggalakkan kepada penduduk-penduduk tempatan di dalam menganjurkan kursus-kursus ataupun ceramah-ceramah demi untuk kebaikan mereka. Jabatan Bomba telah membaharui banyak kereta-kereta

bomba lama tetapi ini terpaksa dilaksanakan mengikut peringkat-peringkat dan kita berharap pada suatu ketika nanti apabila ekonomi negara pulih semula semua kereta-kereta bomba lama dapat digantikan dengan yang baru.

Berhubung dengan kebakaran di Titi Gantung pada 8hb Oktober, 1983 itu makluman berkenaan kebakaran itu adalah lambat diterima oleh Jabatan Bomba. Sepertimana Yang Berhormat lebih maklum, kebakaran rumah hendaklah dikawal dalam tempoh lima ke lapan minit selepas ianya bermula. Dan sekiranya kawalan ini tidak dapat dilaksanakan dalam tempoh itu nescaya api itu akan merebak dengan pantas ke seluruh deret bangunan itu. Tambah-tambah lagi bangunan yang terlibat itu diperbuat daripada papan dan beratap zinc. Sebenarnya apabila bomba Parit yang terletak 13 batu daripada Titi Gantung sampai di tempat kejadian itu kebakaran itu telah pun kemusnahkan kesemua sembilan buah kedai tersebut. Oleh itu, bantuan-bantuan daripada balai-balai yang berhampiran iaitu daripada Batu Gajah yang terletak 15 batu dan daripada Ipoh tidak perlu dipanggil lagi untuk memberi bantuan.

Kesimpulannya, Tuan Pengerusi, adalah penting bagi rakyat diberi penerangan terhadap mencegah kebakaran. Melawan kebakaran semasa api itu masih kecil lagi dan jika boleh menubuhkan bomba gotong-royong.

Tuan Pengerusi, akhirnya sekali lagi, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi ulasan, teguran, pandangan dan cadangan-cadangan dan juga sokongan mereka kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Perkara-perkara yang disuarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu akan dipertimbangkan dan di mana sesuai dan perlu akan

dilaksanakan bagi meninggikan lagi prestasi khidmat Kerajaan untuk rakyat dan negara, Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah bahawa wang sejumlah \$29,884,700 untuk Maksud B. 16; \$7,315,900 untuk Maksud B. 17 dan \$51,202,000 untuk Maksud B. 18 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui;

Wang sejumlah \$29,884,700 untuk maksud B. 16; \$7,315,900 untuk B. 17 dan \$51,202,000 untuk Maksud B. 18 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$328,620,360 yang disebutkan dalam Maksud P. 16 dan \$11,383,010 untuk Maksud P. 18 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun hendaklah diluluskan.

Maksud B. 19 (Jadual)—

Maksud P. 19 (Anggaran Pembangunan, 1984)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud Bekalan B. 19 dan Maksud Pembangunan P. 19 di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan terbuka untuk dibahas.

(Tuan Shamsuri bin Md. Saleh
mempengerusi Jawatankuasa)

3.59 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, izinkan saya menyentuh beberapa perkara dalam perbincangan di atas Anggaran Mengurus dan juga Anggaran Pembangunan untuk Kementerian Wilayah Persekutuan.

Yang pertamanya, suka saya merujuk kepada mukasurat 160. Maksud Pembangunan 19, Aktiviti (Butiran) Projek No. 3-Sistem Pengangkutan Awam, Aerobus.

Bercakap mengenai cadangan peruntukan \$6.8 juta dalam Anggaran Pembangunan tahun 1984 untuk projek aerobus, saya suka membuat beberapa pandangan mengenai Sistem Pengangkutan Awam yang baharu ini untuk ke Kuala Lumpur. Sistem Aerobus serta juga ligh rapid transit adalah bentuk pengangkutan awam yang baharu direka untuk menambah sistem pengangkutan awam yang ada sekarang dalam bandaraya yang jauh dari memuaskan. Saya mengalu-alukan Sistem Aerobus ini selama ianya dimaksudkan untuk menambah dan membaiki sistem pengangkutan awam yang ada sekarang walaupun saya rasa kos projek ini terlalu tinggi.

Pada 28hb Oktober, Yang Berhormat Menteri berkenaan memberi tahu Dewan ini bahawa projek aerobus ini sekarang dijangka menelan kos \$110.7 juta dan ini meliputi kos pengambilan balik tanah untuk projek ini, charge letter of credit dan bayaran Perkhidmatan Perunding. Menurut Yang Berhormat Menteri kos sistem aerobus sahaja termasuk escalation cost dianggarkan berjumlah \$103.1 juta sedangkan anggaran asal ialah \$83.4 juta.

Tuan Pengerusi, memandangkan kos yang terlalu tinggi terlibat dalam projek aerobus ini, maka orang ramai ingin bertanya sama ada dalam saat Kerajaan menghadapi kesulitan kewangan sekarang, Kementerian berkenaan masih hendak melaksanakan projek ini atau menangguhkannya dahulu supaya wang-wang tersebut boleh digunakan untuk lain-lain keperluan yang utama. Tetapi jika Kerajaan masih tetap ingin meneruskan projek ini, maka saya suka mencadangkan bahawa sistem yang mahal ini haruslah dan

hendaklah dijadikan satu operasi yang ekonomik dengan langkah-langkah diambil untuk memastikan tambang yang berpatutan dan juga mendapat sambutan penumpang yang menggalakkan. Pada peringkat permulaan operasinya jumlah penumpang tidak diragu-ragukan akan mencapai satu paras yang sangat tinggi kerana setiap orang berminat mencuba sistem yang baharu ini tetapi apa yang penting ialah memastikan bahawa sistem ini akan terbukti digemari oleh orang ramai dan berupaya menentukan bilangan pengguna yang ramai.

Kementerian dan pihak swasta yang terlibat dengan projek ini mesti menjadikannya berjaya dengan membuat sistem ini digemari oleh orang ramai sebagaimana yang saya sebutkan tadi. Dan kita tidak mahu menjadikannya gagal setelah membelanjakan banyak wang ke atas projek ini. Sebagaimana yang saya katakan awal-awal tadi, apa yang penting ialah bayaran tambang yang dikenakan. Oleh kerana projek ini apabila siap kelak akan diuruskan oleh sebuah syarikat swasta yang dikenali sebagai Sistem Transit Malaysia Sdn Bhd. Adalah penting bahawa bayaran tambang yang dikenakan tidak semestinya untuk membuat untung. Jika sedemikian, maka tambang mungkin melumpuhkan dan ini mungkin merubahkan objektif sistem ini yang disediakan sebagai satu langkah untuk menambah sistem pengangkutan awam yang ada sekarang.

Dengan pengemukaan projek aerobus pihak berkuasa berkenaan mestilah memikirkan soal penyediaan tempat letak kereta yang cukup untuk digunakan oleh penumpang-penumpang aerobus. Oleh kerana sistem aerobus dimaksudkan untuk memudahkan orang ramai bergerak dari satu tempat ke satu tempat tanpa menggunakan kereta adalah perlu bahawa tempat-tempat letak kereta

disediakan berhampiran perhentian aerobus di mana orang ramai boleh meletakkan kereta mereka dan terus mengambil aerobus ini.

Faktor yang kedua, yang perlu dinyatakan di sini ialah walaupun sistem aerobus mudah dikendalikan tetapi langkah-langkah mestilah diambil untuk memastikan keselamatan dan juga perkhidmatan aerobus tidak terganggu oleh terputusnya bekalan elektrik yang menjadi masalah yang kerap berlaku dalam bandaraya kita. Maka pihak berkuasa berkenaan hendaklah menyedari masalah ini dan mencari satu jalan untuk menyelesaikannya.

Dan memandangkan hakikat bahawa beberapa perhentian aerobus perlu dibina, operasinya sepanjang 5 kilometer antara Jalan Bukit Bintang dan Jalan Tun Razak, saya suka melahirkan harapan Dewan Bandaraya akan mengambil langkah menyediakan tapak-tapak baharu untuk penempatan semula apa juga perniagaan seperti pasar-pasar, penjaja-penjaja yang terlibat dalam projek ini. Dalam hubungan ini saya suka Dewan Bandaraya mencari tempat penempatan semula gerai-gerai dan panjaja-penjaja di Jalan Bukit Bintang di sebelah Wisma Peladang yang mana perhentian aerobus akan dibina.

Dan akhirnya berkenaan dengan tajak aerobus ini, walaupun dengan pengemukaan sistem pengangkutan awam yang baharu ini untuk menambah sistem pengangkutan awam dalam bandaraya, saya suka menggesa pihak berkuasa berkenaan untuk mengambil langkah membaiki sistem bas conventional yang masih diperlukan untuk memainkan satu peranan yang penting dalam keseluruhan sistem pengangkutan awam dalam bandaraya ini dan saya mengesyorkan ini disebabkan tidak dapat dinafikan bahawa sistem bas

biasa masih menjadi satu sistem yang amat popular di kalangan rakyat jelata.

Sekarang saya suka beralih kepada Butiran yang kedua dalam mukasurat 160 mengenai Pengawasan Penempatan Setinggalan-setinggalan. Bercakap mengenai perkara kawalan setinggalan, saya suka menegaskan di sini sekali lagi bahawa satu-satunya penyelesaian yang berkesan kepada masalah setinggalan yang sentiasa disyorkan oleh saya iaitu terletak kepada satu solusi mengenai penyediaan rumah kos rendah secara besar-besaran bagi setiap keluarga yang layak ditempatkan. Kerajaan sering menyatakan bahawa ia tidak bertolak ansur kepada setinggalan-setinggalan baru yang muncul dan tidak membenarkan orang ramai membina rumah haram di mana-mana tempat mereka suka. Walau pun saya menghormati penguatkuasaan undang-undang tetapi pada masa yang sama saya suka minta Kerajaan supaya mengaku keadaan yang menyebabkan rumah-rumah setinggalan ini didirikan untuk mereka yang benar-benar memerlukan rumah untuk diri mereka dan keluarga. Saya ingin menjelaskan di sini bahawa saya tidaklah bercakap melulu untuk semua setinggalan.

Saya ketahui bahawa terdapat setengah-setengah orang yang tidak bertanggungjawab yang membina rumah setinggalan untuk disewa atau untuk dijual bagi menjadi sumber pendapatan mereka sedangkan mereka tinggal di tempat lain.

Saya tidak memberi simpati kepada golongan oportunist ini dan hendaklah pihak berkuasa bertindak ke atas mereka. Tetapi bagi beratus-ratus dan beribu-ribu setinggalan jati yang tidak ada pilihan rumah lain dan hanya bergantung kepada rumah setinggalan untuk kediaman, saya harap bahawa pihak Kerajaan akan menimbang keadaan mereka dan memberi mereka satu peluang untuk memohon

tempat tinggal baru. Tetapi memandangkan bahawa adalah tidak mungkin bagi Kerajaan membina rumah-rumah pangsa dan rumah kos rendah yang cukup bagi menempatkan semua setinggan dalam wilayah Persekutuan seberapa segera, maka saya mencadangkan bahawa Kementerian berkenaan hendaklah mengadakan satu dasar yang membenarkan setinggan-setinggan menghuni rumah setinggan mereka sehingga tanah tersebut dikehendaki untuk tujuan pembangunan. Adalah tidak adil mengusir mereka sekarang apabila tanah yang mana terletak rumah-rumah setinggan belum dikehendaki untuk pembangunan.

Tuan Pengerusi, tajuk atau perkara yang ketiga yang saya ingin menyentuh sedikit ialah mengenai Butiran 7 tentang Pembangunan Infrastruktur. Di bawah perkara Pembangunan Infrastruktur yang mana terdapat satu peruntukan \$620,000 dalam Anggaran Pembangunan 1984, saya suka mengemukakan satu perkara tentang perlunya mencari satu tapak yang sesuai di Wilayah ini yang boleh disediakan dengan pembangunan infrastruktur untuk digunakan sebagai satu pusat penempatan khas untuk mangsa-mangsa bencana alam seperti kebakaran atau banjir oleh kerana kedua-dua masalah ini sentiasa berlaku di Kuala Lumpur.

Saya rasa bahawa terdapat satu keperluan segera menyediakan satu pusat seumpama itu memandangkan kerap berlaku bencana alam dalam Wilayah Persekutuan terutamanya masalah kebakaran. Satu pusat seumpama itu boleh digunakan sebagai satu tempat tinggal sementara waktu sahaja sehingga satu masa di mana rumah pangsa boleh diperuntukkan untuk menempatkan semula mereka secara tetap. Sistem membantu mangsa-mangsa kebakaran ataupun banjir yang terdapat

sekarang, misalnya pada anggapan saya tidak begitu memuaskan. Pada masa ini apabila sesuatu kebakaran berlaku, mangsa-mangsa ditempatkan sementara di sekolah-sekolah, di pondok-pondok Rukun Tetangga atau di dewan orang ramai. Rasa saya ini bukanlah satu cara yang sesuai untuk memberikan bantuan kepada golongan yang kurang bernasib baik ini oleh kerana tempat-tempat tersebut misalnya sekolah-sekolah, pondok Rukun Tetangga dan dewan orang ramai mempunyai kegiatan dan tugas masing-masing. Satu-satunya jawapan kepada masalah ini seperti mana yang saya mengesyorkan tadi ialah dalam penyediaan tapak-tapak penempatan semula yang disediakan dengan bangunan-bangunan berbentuk sementara dan kemudahan-kemudahan asas yang lain seperti air dan elektrik dan sekiranya ada berlaku apa-apa bencana alam maka semua mangsa boleh ditempatkan di situ sehingga tempat baru mereka yang tetap disediakan.

Pihak Kementerian pernah menyuarakan tentang masalah kewangan sekiranya hendak memperuntukkan satu tempat seumpama itu. Tetapi saya rasa bahawa kesulitan kewangan Kerajaan tidak boleh dijadikan satu alasan untuk melengah-lengahkan sesuatu projek seperti ini yang begitu penting untuk menolong menyelesaikan berbagai bencana seperti kebakaran atau banjir yang kerap berlaku di Wilayah Persekutuan. Saya berharap bahawa Kementerian berkenaan akan berupaya meneliti cadangan ini dan dapat tidak lama lagi untuk menyediakan satu penyelesaian yang lebih sistematik bagi menempatkan mangsa-mangsa berbagai bencana alam.

Sekarang saya suka beralih kepada satu tajuk yang lain iaitu terkandung dalam mukasurat 161 tentang Butiran 21—Perparitan. Mengenai soal perparitan, saya mendapati bahawa

terdapat hanya token vote berjumlah hanya \$10 diperuntukkan bagi perparitan di bawah Maksud Pembangunan yang tertakluk di bawah Dewan Bandaraya. Saya dukacita menyatakan di sini bahawa Dewan Bandaraya tidak diberi peruntukan yang lebih besar untuk skim membaiki perparitan dalam Dewan Bandaraya. Sistem perparitan adalah sangat tidak memuaskan pada masa kini dalam Bandaraya terutamanya dalam kawasan yang mudah berlaku banjir kilat. Adalah menjadi satu perkara biasa melihat banjir dalam Bandaraya selepas hujan turun dengan lebat dan pada setiap kali banjir berlaku Lalulintas tidak dapat bergerak. Kawasan-kawasan setinggi mudah dibanjiri air dan ini menyebabkan kesulitan dan kesusahan yang amat sangat kepada keluarga-keluarga setinggi yang terlibat.

Satu contoh yang paling nyata di sini ialah tentang kejadian banjir yang berlaku pada hari Ahad yang lepas ini yang melanda bandaraya yang mana lebih 20 kawasan sekitar bandaraya dibanjiri air dan lebih 10,000 orang penduduk terbabit dalam kejadian banjir kilat itu.

Banjir kilat berlaku kerana keadaan perparitan yang kurang memuaskan. Ianya disebabkan juga oleh saluran atau longkang tersumbat. Masalah banjir kilat ialah juga disebabkan oleh skim pembangunan tanah yang tidak mengambil langkah-langkah mencegah tanah dihakis dari tanah skim mereka dan menjadikan tanah-tanah atau lumpur itu berkumpul dan mendak di culvert dan longkang-longkang menyebabkan tersumbat dan berlakunya banjir apabila hujan turun.

Adalah jelas kepada saya bahawa sehingga hari ini perhatian yang secukupnya belum diberikan kepada kerja-kerja pembersihan longkang-longkang atau culvert yang tersumbat walaupun satu kempen Kebangsaan

seluruh negara mengenai kebersihan telahpun dilaksanakan. Di bawah kempen itu adalah didapati bahawa perhatian yang utama hanya diberikan kepada membersihkan sampah sarap di atas jalan sahaja, tetapi bukan di bawah culvert.

Ditimbang dari apa yang berlaku pada hari Ahad yang lalu, adalah jelas bahawa Kuala Lumpur mungkin menghadapi satu lagi banjir besar sama seperti kejadian banjir besar yang berlaku pada tahun 1971 dahulu sekiranya perhatian dan tindakan segera tidak diambil untuk mencegah banjir kilat tersebut secara berkesan dan kita tidak ingin kejadian itu berulang lagi.

Saya suka mengambil kesempatan ini untuk menggesa Kementerian yang berkenaan dan menggesa Dewan Bandaraya supaya menghantarkan pegawai-pegawainya mengadakan satu kempen pemeriksaan terhadap semua longkang besar dalam bandaraya untuk memastikan yang mana satu tempat yang tersumbat dan tindakan segera perlu diambil untuk membersihkannya. Saya juga suka mengambil kesempatan ini untuk menggesa badan-badan yang berkenaan termasuk Dewan Bandaraya, termasuk Kementerian, termasuk Jabatan Parit dan Taliair di Wilayah Persekutuan supaya menyemak semula, mengadakan satu review, dengan izin, tentang program pencegahan banjir setakat ini dan melihat bagaimana sesuatu langkah yang lebih berkesan boleh diambil untuk mencegah masalah banjir kilat.

Sementara menunggu satu program jangka panjang yang mana telah diumumkan oleh bekas Menteri Wilayah Persekutuan bahawa pihak Kerajaan ada rancangan berjangka panjang untuk mengatasi masalah banjir kilat ini di Kuala Lumpur tetapi kalau kita hendak menunggu projek-projek ataupun rancangan-rancangan berjangka panjang ini siap, ini akan

memakan masa yang panjang. Maka buat sementara ini sesuatu mestilah dibuat untuk mengkaji masalah ini dan melaksanakan satu tindakan jangka pendek untuk menghadapi masalah ini.

Saya suka mencadangkan bahawa Undang-undang Kecil Kerja Tanah, ataupun dengan izin, Earthworks By-law, mestilah dikuatkuasakan dengan tegas untuk memastikan bahawa dalam semua skim pembangunan tanah para kontraktor yang terlibat akan mengambil langkah mencegah sampah ataupun hakisan tanah ataupun bahan buangan bangunan daripada bergerak atau mengalir masuk ke dalam culvert dan longkang besar yang boleh menyebabkan longkang itu tersumbat. Semua mereka yang tidak mematuhi Earthworks By-law ini mestilah dihukum dengan berat. Oleh sebab saya menganggap bahawa sungguhpun kita ada By-law seperti ini tetapi nampaknya By-law ini tidak dilaksanakan dengan begitu berkesan sebagai satu langkah untuk mencegah masalah banjir kilat di Kuala Lumpur ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, di bawah Butiran ini peruntukan hanya \$10. Yang Berhormat bercakap berjuta-juta ringgit.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Pengerusi, tadi saya pun ada melahirkan rasa dukacita saya oleh kerana Kerajaan memperuntukkan token vote \$10 dalam perkara ini, akan tetapi tadi saya ada menyatakan memandangkan bahawa masalah banjir kilat adalah satu masalah yang serius maka saya berharap bahawa Kementerian yang berkenaan sungguhpun hanya ada \$10 token vote tetapi dalam Belanja Mengurus ini pihak Dewan Bandaraya boleh mencari satu jalan bagi membenteras masalah ini. Itulah yang saya hendak berucap mengenai masalah perparitan dan banjir kilat.

Sekarang saya suka merujuk kepada Butiran 1 iaitu mengenai perkara Perumahan Awam Wilayah Persekutuan. Mengenai perkara Perumahan Awam, saya suka merujuk kepada pengumuman yang dibuat oleh Menteri Wilayah Persekutuan pada pertengahan bulan September lalu tentang kadar sewa rumah pangsa kos rendah Dewan Bandaraya yang telah dinaikkan berkuatkuasa pada awal Oktober tahun ini. Kenaikan yang mana telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri itu akan melibatkan lebih kurang 18,964 unit rumah pangsa dan menurut Menteri bahawa kadar kenaikan itu ialah antara 55% ke 102% berbanding dengan cadangan asal sebanyak 66% kepada 150%.

Tuan Pengerusi, cadangan asal kenaikan kadar sewa adalah terlalu tinggi dan langsung tidak menasabah dan ini lah sebabnya mengapa kami menganjurkan satu kempen tandatangan oleh penyewa-penyewa rumah pangsa untuk meminta pengurangan ke atas kenaikan sewa itu.

Adalah dinyatakan di sini bahawa mereka tidak membantah kenaikan, tetapi hendaklah dinaik kepada satu kadar yang munasabah, satu kadar yang berpatutan. Kami berasa gembira kerana Kerajaan telah mengambil berat bantahan dari penyewa dan seterusnya mengurangkan kadar sewa itu. Dengan kenaikan baru purata 73% berkuatkuasa pada 1hb Oktober ini, apa yang perlu dilakukan bagi Dewan Bandaraya ialah memastikan bahawa perkhidmatan yang diberikan mestilah cekap seperti masalah tentang penyenggaraan lift-lift dan lain-lain kemudahan asas untuk penyewa-penyewa rumah pangsa. Salah satu masalah terbesar yang dihadapi oleh penyewa-penyewa rumah pangsa ialah kerosakan-kerosakan lift, kerosakan saluran air terputus, saluran

pembuangan sampah rosak dan kerosakan alat letrik di koridor-koridor rumah pangsa.

Kerajaan sering berkata mengenai perbuatan vandalism, Tuan Pengerusi, sebagai sebab kerosakan lift-lift. Tetapi pada pandangan saya vandalism ini bukanlah satu masalah ataupun satu sebab yang utama. Tetapi jika memang ada perbuatan vandalism yang sebenar maka saya menyokong apa juga tindakan diambil ke atas mereka yang bersalah. Tetapi pada masa yang sama saya menggesa Kerajaan supaya meneliti soal tentang perkhidmatan penyenggaraan rumah pangsa, penyenggaraan tentang lift-lift yang tidak begitu memuaskan diberi oleh pembekal-pembekal lift, yang perlu tindakan segera untuk mengatasinya.

Dewan Bandaraya hendaklah juga sentiasa memeriksa pam air yang mengepam air ke tangki dan seterusnya ke yunit-yunit rumah pangsa. Mana-mana pam yang tidak berkeadaan elok, berkeadaan baik, langkah-langkah hendaklah diambil untuk menggantikannya sebelum ianya rosak dan langsung tidak boleh menyalurkan atau menyampaikan bekalan air keatas tangki itu. Lain-lain kemudahan hendaklah juga diperhatikan dan diperbaiki supaya penyewa-penyewa akan berasa bahawa sewa yang dinaikkan itu yang dibayar oleh mereka digunakan untuk membaiki perkhidmatan atau kemudahan untuk rumah pangsa.

Mengenai soalan kenaikan kadar sewa, saya suka mencadangkan di sini bahawa sekiranya pada masa hadapan kelak soal sewa ini berbangkit lagi maka saya harap bahawa para penyewa rumah pangsa ini hendaklah diajak berunding terlebih dahulu kerana mereka tidak seharusnya membayar sesuatu kenaikan yang mana mereka tidak mampu oleh sebab mereka termasuk dalam golongan berpendapatan rendah.

Bercakap mengenai tajuk yang sama iaitu mengenai perumahan awam, saya suka menyentuh tentang kelayakan penyewa-penyewa untuk membeli rumah-rumah pangsa yang didudukinya. Saya suka mencadangkan di sini bahawa tempoh kelayakan 10 tahun hendaklah dikurangkan menjadi 5 tahun supaya lebih ramai akan layak memiliki rumah pangsa sendiri. Dalam pada itu saya juga suka menggesa pentadbiran Dewan Bandaraya supaya menyegerakan pemerosesan permohonan-permohonan yang dibuat oleh mereka yang hendak membeli rumah pangsa supaya mereka boleh dibantu memiliki rumah itu dengan secepat mungkin. Untuk mereka yang hendak membeli rumah pangsa, untuk memiliki, mereka telah diminta membayar charge perkhidmatan bulanan berjumlah \$40. Adalah menjadi pandangan semua pembeli bahawa charge \$40 itu terlalu tinggi dan hendaklah dikurangkan kepada \$20. Saya berharap bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan dapat meneliti perkara ini demi kebajikan dan kepentingan semua pembeli rumah pangsa.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya suka merujuk kepada muka surat 153, Maksud B. 19. Perkara yang saya ingin menyentuh ialah tentang Butiran 1100-Gaji dan Upahan berkaitan dengan Pentadbiran Am, (1) (a) Pentadbiran dan Kewangan. Atas perkara pentadbiran ini, saya suka menyentuh dua perkara.

Yang pertama, berhubung dengan dasar-dasar yang dilaksanakan oleh pihak pentadbir dalam Kementerian mengenai perlesenan ke atas pengusaha-pengusaha perindustrian kecil yang terdapat sekarang dalam Wilayah Persekutuan. Pada masa ini terdapat lebih kurang 1,000 pengusaha-pengusaha perindustrian kecil yang menjalankan perusahaan mereka dalam berbagai kawasan

perumahan di sekitar Kuala Lumpur yang telah lama menderita kerana tindakan yang diambil oleh Pegawai-pegawai Penguatkuasa atas alasan bahawa mereka menjalankan perusahaan mereka tanpa lesen. Keadaan pengusaha-pengusaha kecil itu ialah mereka menjalankan operasi di rumah-rumah kedai atau di tingkat pertama dalam bangunan, mengambil beberapa orang pekerja sahaja dan menjalankan perniagaan dalam keadaan yang bersih dan tidak menimbulkan apa juga bentuk pencemaran atau bahaya ke atas kesihatan awam.

Mereka tidak dapat lesen kerana mereka bergerak atau menjalankan operasi dalam kawasan atau zon perdagangan (commercial zone) dan bukan zon perindustrian. Dan disebabkan ini, mereka sentiasa di kompaunkan, di denda antara \$500 hingga menjadi \$2,000 oleh mahkamah jika terbukti bersalah. Pengusaha-pengusaha kecil ini mengeluarkan pakaian, kasut, kaset, pembuat mee pun ada dan lain-lain barang pengguna. Mereka tidak dapat menjalankan operasi mereka ataupun perusahaan mereka dalam kawasan perusahaan yang besar seperti yang ada di Shah Alam misalnya, kerana mereka yang terlibat dalam kegiatan perusahaan ini adalah kecil sahaja.

Memandangkan di atas dan memandangkan kepada kesukaran dan kesulitan yang dialami oleh para pengusaha-pengusaha perindustrian kecil ini, saya suka mencadangkan kepada Kementerian yang bertanggungjawab untuk menggubal dasar tentang masalah pelesenan ini supaya Kementerian yang berkenaan dapat merumuskan satu dasar yang praktikal dan berperikemanusiaan yang akan dapat membenarkan perindustrian kecil ini menjalankan operasi di dalam kawasan perdagangan di skim-skim perumahan dengan syarat bahawa mereka tidak

boleh menyebabkan pencemaran atau mengotorkan kawasan ataupun menjalankan perusahaan yang akan menimbulkan kesusahan kepada orang ramai dan seterusnya membangkitkan aduan daripada orang ramai. Dan saya berpendapat bahawa sekiranya dasar ini dapat digubal maka pihak yang terlibat dapat menyampaikan pelan-pelan kepada Jabatan Perancangan untuk menukar syarat tentang kegunaan kedai kepada kegunaan perusahaan.

Tuan Pengerusi, mereka boleh dibenarkan menjalankan perusahaan mereka sehingga satu masa apabila Dewan Bandaraya berupaya menempatkan mereka dalam kilang-kilang berderet yang akan dibina dengan kerjasama sektor swasta.

Saya bagaimanapun suka menggesa Kementerian supaya menangguk tindakan ke atas golongan pengusaha-pengusaha kecil ini dengan membenarkan mereka terus menjalankan perusahaan mereka dengan syarat-syarat tertentu sepertimana yang saya mengesyorkan itu tadi.

Perkara yang akhir di bawah pentadbiran ini, saya suka menyentuh berhubung perkara mengenai dasar mengenakan bayaran lesen untuk semua jenis iklan papantanda dalam bandaraya. Sebagai seorang Wakil Rakyat saya telah menerima banyak aduan bahawa bayaran lesen untuk semua jenis iklan papantanda yang didasarkan pada kadar yang diperuntukkan di bawah undang-undang kecil iklan Wilayah Persekutuan tahun 1982 yang sangat tinggi kadarnya pada masa sekarang dan oleh sebab ini banyak perniaga terutamanya peniaga-peniaga kecil menghadapi kesusahan atau kesukaran untuk memikul satu beban bayaran yang begitu tinggi. Kadar bayaran lesen iklan papantanda di bawah undang-undang kecil pada

masa kini adalah lebih kurang empat kali ganda lebih mahal daripada kadar terdahulu dan ini merupakan satu beban kewangan ke atas peniaga-peniaga yang juga terpaksa membayar lesen perniagaan di samping bayaran-bayaran yang lain berkaitan sekiranya mereka menjalankan perniagaan mereka.

Saya suka menyeru Kementerian berkenaan supaya menimbang keadaan ini yang dihadapi oleh para peniaga serta mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan kadar bayaran lesen tersebut untuk iklan papantanda. Undang-undang kecil yang meliputi iklan papantanda hendaklah dipinda untuk mengurangkan atau mengenakan satu bayaran lesen yang lebih adil dan yang lebih berpatutan. Saya harap ini akan dilaksanakan supaya mulai tahun akan datang satu kadar bayaran lesen yang berpatutan akan dapat digunakan dan dilaksanakan.

Saya juga ingin menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri kepada Undang-undang Kecil Iklan Wilayah Persekutuan tahun 1982 ini yang mengandungi satu peruntukan mendenda sebanyak tiga kali ganda bayaran sebagai tambahan kepada bayaran lesen sendiri sekiranya sesuatu papantanda yang dipasang itu tanpa lesen. Hukuman tersebut pada pandangan saya adalah terlalu keras dan tidak adil dan saya harap bahawa Kementerian berkenaan dapat mengkaji semula hukuman denda yang sangat keras ini dan mengambil langkah untuk menyemak semula perkara ini bagi mengurangkan kesusahan semua peniaga-peniaga yang menjalankan perniagaan dengan betul dan yang memerlukan papantanda itu sebagai iklan untuk memaklumkan orang ramai mengenai perniagaan mereka.

Tuan Pengerusi, itulah perkara-perkara yang saya ingin bangkitkan dalam perbahasan ini.

4.45 ptg.

Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad (Tumpat): Bismillahirrahmanirrahim.

Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap dalam hal yang berhubung dengan Kementerian Wilayah Persekutuan ini mukasurat 153, Maksud B. 19, Program (2) Pentadbiran Agama Islam Wilayah Persekutuan.

Tuan Pengerusi, penubuhan Jabatan Ugama Islam Wilayah Persekutuan bukanlah hanya sekadar mencukupkan syarat ataupun sekadar menyelaraskan dengan negeri-negeri dalam negara kita ini di mana keseluruhan negeri mempunyai Jabatan ataupun Majlis Agama masing-masing. Tetapi penubuhan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan adalah mempunyai risalahnya yang tersendiri, mempunyai tujuannya yang tersendiri sebagaimana yang selalu disebutkan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak Perdana Menteri pada waktu penubuhan itu di mana beliau berhasrat supaya Jabatan Ugama Islam Wilayah Persekutuan ini dijadikan sebagi contoh Jabatan Agama Islam di negeri-negeri yang lain.

Tuan Pengerusi, dahulu pentadbiran agama Islam Wilayah Persekutuan ini diletak di bawah Urusetia Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri, tetapi hari ini adalah merupakan badan berasingan yang berfungsi dan bertugas sebagaimana Jabatan-jabatan Agama yang lain dan dia mempunyai risalah yang tertentu, yang lebih utama dan lebih mustahak daripada Jabatan-jabatan Agama yang lain.

Saya mengatakan demikian kerana kedudukan Wilayah Persekutuan ini sendiri dari segi sosio budayanya, dari segi kemasyarakatannya adalah berbeza daripada tempat-tempat yang lain kerana Wilayah ini adalah merupakan tumpuan orang ramai,

Wilayah Persekutuan juga merupakan tempat pelawat-pelawat asing dan di sini juga tempat berkumpul segala macam warna, segala macam bentuk sama ada kebaikan atau keburukan yang tertimbun di Wilayah Persekutuan ini yang terpaksa ditanggung oleh Jabatan Agama Wilayah Persekutuan berbagai-bagai masalah yang perlu diselesaikan dan pada hemat saya masalah-masalah ini semuanya boleh diselesaikan kerana tidak ada masalah yang tidak boleh diselesaikan sekiranya kita mempunyai hasrat ataupun mempunyai cita-cita keinginan sungguh-sungguh untuk hendak menyelesaikan masalah-masalah itu.

Tuan Pengerusi, kita amat gembira bahawa Wilayah Persekutuan ini dari segi fizikalnya telah membangun dengan pesat, indah dan amat menarik sekali. Jalan-jalan bertambah baik, kebersihan agak lebih terkawal daripada yang lalu, pokok-pokok kelihatan ditanam di sana-sini dengan penuh kehijauan, dijaga dan dikawal dengan sebegitu rupa. Tetapi dari segi kebersihan rohnya, kebersihan nilai spiritualnya ataupun kerohaniannya amat sulit untuk dibanggakan, bahkan kadang-kadang kita tidak berani hendak mengatakan sebagai Kotaraya yang boleh menjadi contoh negara-negara Islam yang lain.

Tuan Pengerusi, kalau kita membaca Buku Anggaran Belanjawan, Program dan Prestasi 1984 yang diedarkan kepada semua Ahli-ahli Dewan ini, saya lihat muka 571 di bawah tajuk Kementerian Wilayah Persekutuan, ternyata tujuan dan strategi Belanjawan Kementerian ini tidak tercatat sesuatu yang dapat difahami bahawa di antara tujuannya ialah untuk mengembangkan bibit-bibit rohani penduduknya. Kita mengakui bahawa Kementerian ini telah berjaya mengatasi masalah kekurangan tanah bagi projek-projek

awam, berjaya memajukan tanah-tanah rezab Melayu selaras dengan kemajuan persekitaran Wilayah Persekutuan ini, berjaya memperindahkan dengan taman-taman dan pokok-pokok hijauan dan sebagainya. Tetapi malangnya pada himat saya belum berjaya menyelesaikan perkara-perkara yang keji, perkara-perkara maksiat, jenayah, munkar, keruntuhan akhlak, budaya-budaya yang memalukan dan sebagainya.

Saya kurang pasti nilai-nilai yang seumpamanya ini boleh ditakrif ataupun dimasukkan di dalam perkara-perkara yang dianggap hiburan, kerana mengikut saya difahamkan bahawa banyak tempat-tempat yang ada hubungannya dengan perkara-perkara ini, agensi Kementerian Wilayah Persekutuan, agensi Dewan Bandaraya di bawah Wilayah Persekutuan sendiri ada mengeluarkan lesen-lesen yang dikatakan lesen hiburan, seperti Kelab Malam, Rumah Urut, Pub, Coffee House dan sebagainya. Di samping itu, ada juga tempat-tempat yang seumpama ini yang bergerak tanpa lesen dapat berjalan dengan begitu bebas, tanpa kawalan, tanpa serbuan dan tanpa mendapat perhatian yang serius daripada pihak-pihak yang berkenaan.

Saya difahamkan bahawa tempat-tempat yang seumpama ini merupakan tempat-tempat yang boleh membawa kepada perkara-perkara keji dan perkara-perkara yang tidak dikehendaki, bukan sahaja keji di sisi Agama Islam tetapi keji juga di kalangan agama-agama yang lain, keji di kalangan tamadun manusia sejak daripada dahulu kala sehingga sekarang ini. Tidak ada sesiapa yang mengatakan perkara-perkara maksiat itu adalah baik, bukan sahaja agama Islam tetapi agama-agama yang lain juga.

Saya difahamkan, kerana saya sendiri pun tak pernah menyelidik secara peribadi dalam hal ini, tetapi saya diberitahu secara berterusan bahawa Kuala Lumpur hari ini begitu hebat sekali menjadi sarang yang aktivitiya begitu terdedah, terbuka di hadapan umum dan aktiviti ini adalah sungguh memalukan dan amat keji dari segi nilai-nilai kemanusiaan, tetapi pihak Dewan bandaraya memberi lesen, tetapi dari satu segi yang lain pula pihak Jabatan Hal Ehwal Agama, Bahagian Pencegah Maksiat diminta supaya mencegahnya. Atau dengan kata lain, dari segi kerohanian ini terdapat di Wilayah Persekutuan ini dua nilai ataupun dengan izin, "double standard" dalam pentadbirannya; sebagaimana saya katakan Bandaraya mengeluarkan lesen hiburan, tetapi pada masa yang sama Pencegah Maksiat Jabatan Agama dan Polis dikehendaki membuat serbuan dan serbuan itu dilakukan kadang-kadang secara berkesan, kadang-kadang boleh dikatakan melepaskan batuk di tangga sahaja.

Tuan Pengerusi, pada himat saya Jabatan Agama Wilayah Persekutuan sebagai satu Jabatan yang dikehendaki oleh Allahyarham Tun Abdul Razak sebagai Jabatan yang menjadi contoh utama dari semua aspek kepada Jabatan-jabatan Agama yang lain sudah tentu boleh memainkan sesuatu peranan, sama ada peranan pencegahan ataupun dari segi peranan perundingan kerjasama dengan pihak Polis dan Pihak Bandaraya.

Oleh Yang demikian, Tuan Pengerusi, saya mencadangkan supaya Bahagian Pencegah di bawah Jabatan Hal Ehwal Agama ini hendaklah diperbesar dan pegawai-pegawainya hendaklah ditambah dan saya minta juga supaya Bahagian ini diberi kerjasama ataupun mendapat kerjasama dari pihak-pihak yang bertanggungjawab untuk hendak

menyelesaikan perkara-perkara yang seumpama ini. Saya minta supaya hal-hal yang keji, sebagaimana yang saya sebutkan tadi, pihak pencegah ini dengan kerjasama Bandaraya dan Polis dapat membuat serbuan-serbuan ataupun membuat buruan-buruan, apa yang diberitahu di sekitar Chow Kit, Jalan Petaling, kawasan Pudu dan sebagainya.

Yang kedua, tempat-tempat rihat orang ramai yang dijaga sebegitu rupa dan yang dipelihara dengan penuh teliti oleh pihak bandaraya, seperti di Taman-taman Bunga, Taman Titiwangsa, Tasek Perdana dan sebagainya, kalau di waktu malam itu eloklah diperbanyakkan sedikit cahaya lampunya kerana ini bukanlah soal maksiat sahaja untuk kita dapat mengelakkan, tetapi yang paling pentingnya ialah dari segi jenayah, kerana penjenayah-penjenayah di kawasan Bandaraya ini begitu nekad dan berani sekali untuk mencari mangsa-mangsanya, lebih-lebih lagi mangsa-mangsa yang berani berada di tempat-tempat kesunyian dan tempat-tempat gelap, seperti di Taman-taman Bunga itu.

Yang ketiga, kalau boleh dan perkara ini pada himat saya boleh dirundingkan kerana pihak pentadbiran Agama Kadang-kadang menghadapi banyak masalah dalam menyelesaikan, bukan sahaja menyelesaikan masalah perkara-perkara maksiat ini, tetapi menyelesaikan masalah perbalahan, aduan suami-isteri ataupun keluarga ketika membahagi pesaka dan sebagainya berlaku perkara-perkara yang menimbulkan jenayah di Jabatan-jabatan Agama, terutamanya di Pejabat-pejabat Kadi. Apakah tidak mungkin pihak Jabatan Agama ini dapat diberi satu pasukan Polis ataupun tidaklah satu pasukan, beberapa orang Polis yang bertugas sepenuh masa dengan Jabatan Agama bagi menyelesaikan masalah-masalah

keselamatan dan masalah-masalah yang saya sebutkan tadi di Jabatan yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, untuk memastikan supaya Jabatan Agama Islam Wilayah ini menjadi sebagai sebuah Jabatan Agama yang menjadi contoh kepada Jabatan-jabatan Agama yang lain, sekarang ini kita lihat bahawa jabatan yang berkenaan masih tidak mempunyai bangunan yang tersendiri sebagaimana jabatan-jabatan yang lain dan kedudukannya adalah satu tempat yang agak tidak begitu selisa dan kadang-kadang rasanya memalukan kalau kita hendak memberitahu kepada pelawat-pelawat daripada negara-negara Islam bahawa itulah Jabatan Agama Wilayah Persekutuan. Jadi, untuk tujuan ini, Tuan Pengerusi, eloklah pihak Kementerian berfikir dan mengambil tindakan mendirikan bangunan yang tersendiri khusus bagi jabatan ini di tempat yang difikirkan strategik dan munasabah sebagai sebuah jabatan yang menjadi contoh kepada jabatan-jabatan yang lain.

Yang kedua, bagi memastikan bahawa jabatan ini berfungsi maka pegawai-pegawai yang ada di jabatan yang berkenaan eloklah didedahkan kepada permasalahan-permasalahan semasa melalui latihan-latihan khususnya di dalam ataupun di luar negeri dan dengan meningkatkan ilmu pengetahuan mereka dengan cara menyambung pelajaran ataupun sebagainya. Kita lihat di jabatan-jabatan lain pegawai-pegawainya amat mudah sekali untuk hendak menyambungkan pelajaran-pelajarannya ke luar-luar negeri untuk membuat post-graduate studies, dengan izin, untuk mendapatkan degree yang kedua ataupun degree yang ketiga ataupun diploma selepas degree yang pertama, tetapi tidak demikian berlaku bagi pegawai-pegawai agama menyebabkan mereka

itu agak beku sedikit sehingga timbul tuduhan-tuduhan mengatakan pegawai-pegawai agama kita ini beku. Sebenarnya bukan mereka yang beku tetapi sikap kita, layanan kita ataupun penglihatan kita kepada mereka tidak secara sungguh-sungguh, melainkan secara indah, tidak indah semata-mata. Jadi, patut diadakan satu skim latihan kepada pegawai-pegawai ini bagi menambahkan inisiatif mereka dan bagi menambahkan dedikasi mereka dalam menjalankan tugas-tugas yang diredai ini.

Yang ketiga, saya juga mencadangkan sesuai dengan rumusan ijtimak ulamak kedua baru-baru ini, rumusan keempat di bawah tajuk Hubungan Ulamak Dengan Umarak yang berbunyi: "Jabatan Agama Islam dan lain-lain agensi agama hendaklah diberi tugas pimpinannya kepada mereka yang ahli dan mempunyai kewibawaan yang sempurna dalam hal-hal keislaman".

Tuan Pengerusi, sehubungan dengan ini Butiran 3200, Pentadbiran Undang-undang Syariah, saya difahamkan bahawa undang-undang yang berhubung dengan Undang-undang Syariah telah pun digubal dan telah pun ditubuh beberapa jawatankuasa untuk menyelesaikan perkara-perkara yang seumpama ini tetapi penyelesaiannya sehingga hari ini belum sempurna. Jadi, saya menggesa kepada pihak Kementerian Wilayah Persekutuan terutamanya kepada Menteri yang berkenaan supaya mengambil tindakan yang begitu tegas dan cubalah menggesa sedikit supaya perkara-perkara ini dapat diselesaikan dengan segera.

Itu sahaja, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Jerantut.

5.05 ptg.

Wan Abu Bakar bin Wan Mohamad (Jerantut): Tuan Pengerusi, saya ingin

merujuk kepada mukasurat 160, Maksud Pembangunan 19, Kementerian Wilayah Persekutuan, Butiran 3 Sistem Pengangkutan Awam: (i) Aerobus dan (ii) Light Rapid Transit.

Tuan Pengerusi, walaupun saya merupakan wakil daripada kawasan luar bandar tetapi saya memohon izin secara ringkas hendak membincangkan beberapa masalah perkembangan Kuala Lumpur yang mana berada di dalam tanggungjawab Kementerian ini. Memangnya sebagai sebuah ibukota kita Kuala Lumpur ini merupakan satu perkara yang penting dan boleh mempengaruhi tempat-tempat yang lain. Misalnya apa juga yang berlaku di Kuala Lumpur ini bukan sahaja akan memberikan kesan kepada persekitaran Lembah Kelang ini tetapi juga di seluruh negara dan juga semua negeri.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan sistem pengangkutan awam ini maka kita bercakap berkenaan dengan kesesakan lalulintas ataupun cuba mencari satu jalan bagaimana kita hendak mengurangkan keadaan kesesakan lalulintas ini iaitu kesesakan lalulintas ini banyak mempengaruhi aktiviti-aktiviti sama ada kepada orang ramai dari segi keselesaan, dari segi aktiviti perniagaan, pengurusan, penjimatan masa, wang ringgit dan sebagainya. Dan pengalaman negara-negara dalam dunia ini yang lebih maju bila berlaku kesesakan lalulintas seperti di Kuala Lumpur, mereka akan berfikir hendak pergi ke bawah tanah ataupun pergi ke atas, dengan izin, sama ada hendak go down ataupun go up. Kalau pergi ke bawah maka kita membuat satu sistem seperti subway seperti di negara-negara maju di Jepun dan Eropah dan pergi ke atas daripada tanah kita melakukan seperti sistem aerobus ataupun apa juga sistem yang bersamaan. Tidak banyak dalam dunia ini yang menyelesaikan masalah kesesakan lalulintas ini dengan cara

mengadakan aerobus. Maka saya suka mengalu-alukan langkah Kerajaan khususnya Kementerian ini mengadakan perkhidmatan aerobus.

Saya mendapat tahu bahawa projek ini akan bernilai sebanyak \$110 juta dan buat permulaannya akan memberikan perkhidmatan daripada Bukit Bintang ke Sentul ataupun simpang dengan Jalan Tun Abdul Razak.

Tuan Pengerusi, perbelanjaan \$110 juta ini memang agak tinggi dan Kerajaan tentunya telah meneliti semasak-masaknya mengapa harus dibuat aerobus ini kerana dengan jumlah perbelanjaan \$110 juta ini juga kita boleh membina hampir 110 batu jalan yang baik, sama ada jalan bertingkat ataupun jalan di atas tanah biasa. Tetapi begitulah Kerajaan telah membuat keputusan bahawa aerobus ini akan dilaksanakan. Saya pun menyokong penuh. Hanya yang kita tidak mahu projek ini akan menjadi seperti projek pelancongan kereta kebel di Bukit Nenas sekarang ini sudah kurang sambutannya, naik sekali, kali kedua pun sudah takut hendak naik. Takut jatuh. Aerobus ini pun atas daripada jalanraya, dekat-dekat bangunan, kita takut orang pun nanti akan takut menaiki aerobus. Walau bagaimanapun, Tuan Pengerusi, pada pandangan saya kalau kita sudah bersetuju melaksanakan projek aerobus ini maka ianya harus memberikan faedah yang paling maksima kepada kita dan pengalaman aerobus ini mesti kalau tidak banyak pun sedikit akan mengurangkan kesesakan lalulintas.

Jadi oleh itu ianya pertama sekali bukan sahaja daripada Bukit Bintang ke simpang Sentul dengan Jalan Tun Abdul Razak, tetapi harus dibayakkan lagi, misalannya kalau daripada Kajang itu mesti ada satu lagi line ke Bukit Bintang dan daripada Petaling Jaya bersedap dengan Wilayah Persekutuan mesti ada satu lagi jalan

dan dia bertemulah pada satu stesen besar misalnya di Bukit Bintang. Ini baharulah cara orang-orang dari Petaling Jaya, orang-orang daripada sebelah Kajang dan daripada sebelah Jalan Pahang sana dapat meninggalkan kereta-kereta mereka di tempat-tempat ini dan menaiki aerobus. Kalau tidak orang daripada Jalan Pahang juga belum tentu mereka boleh meninggalkan kereta mereka di Sentul. Mengapa perlu tinggalkan di sana, orang daripada Petaling Jaya bawa kereta mereka, orang daripada Kajang pun bawa, jadi orang daripada sebelah Jalan Pahang pun bawa juga kereta. Siapa hendak naik aerobus?

Jadi itu perlunya bawa satu perancangan yang teliti berserentak dengan yang telah dirancangan seperti yang ada pada hari ini, tambah belanja pun tidak apa pada pandangan saya, Tuan Pengerusi, kerana kita telah bersetuju melaksanakannya. Maka apabila hendak melaksanakannya mesti dengan sepenuh-penuhnya akan mendapat faedah yang paling maksima daripada pelaburan kita ini.

Keduanya projek Aerobus ini juga mesti bersekali dengan lain-lain cara untuk mengatasi kesesakan lalulintas. Maksud saya ialah seperti juga kaitannya dengan yang pertama tadi, kalau sudah ada Aerobus maka kita akan melarang menyekat kereta daripada masuk ke Kuala Lumpur, menyediakan tempat-tempat letak kereta yang banyak di stesen-stesen tertentu supaya orang dapat menaiki Aerobus meninggalkan kereta mereka, dan ini mesti dikenakan dengan serentak.

Yang ketiganya, Tuan Pengerusi, Aerobus ini boleh bawa orang, dan dia tidak boleh bawa barang. Saya berpandangan dan berpendapat di Kuala Lumpur yang menyesakkan jalan raya ini bukan sahaja kereta-kereta orang ataupun kereta yang membawa manusia tetapi juga ialah

lori-lori yang mengangkut barang-barang. Tambahan lagi lori-lori ini lebih panjang daripada kereta. Satu lori boleh dibandingkan dengan dua kereta, ada kadang-kadang tiga kereta. Ini juga merupakan salah satu faktor yang penting menyesakkan jalan-jalanraya.

Jadi ada Aerobus belum tentu kita dapat mengurangkan kesesakan. Kita kena cari jalan bagaimana hendak mengurangkan kesesakan lori-lori pengangkutan barang.

Jadi, Tuan Pengerusi, jadi untuk sistem Aerobus ini berjalan lancar, tiga perkara ini pada pandangan saya harus disekalikan, difikirkan dan dijalankan dengan serentak.

Baharu-baharu ini, Tuan Pengerusi, saya telah bercakap dalam Dewan ini berkenaan dengan lori ini supaya kalau kita buat sistem Aerobus, tujuan kita mengurangkan kesesakan tercapai, iaitu kita perlu sangat Dewan Bandaraya memikirkan ataupun Kementerian, bersama-sama dengan Kementerian Pengangkutan, Kementerian Perusahaan Awam, Jabatan Pengangkutan Jalan dan Persatuan-persatuan Pengusaha Lori-lori supaya memikirkan satu cara mengadakan sistem yang mana tidak semuanya lori akan masuk ke dalam Wilayah Persekutuan untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas tadi. Iaitu tiga, empat Kementerian ini kena mengadakan satu seumpama Jawatankuasa dan mengadakan satu sistem di mana seluruh barang-barang yang dibawa oleh lori di seluruh Malaysia ini hanya boleh sampai kepada satu pusat pengumpulan yang berada di pinggir Bandaraya, misalnya kita katakan di Gombak ataupun di Bandar Tun Razak, Kampong Konggo sana, ataupun di mana-mana sahaja yang ada kemudahan dan seluruh barang-barang dalam negara ini yang dibawa oleh lori akan dihantar ke pusat pengumpulan barang-barang ini, dan hanya lori-lori yang di lesenkan

tertentu sahaja akan membawa barang-barang daripada pusat pengumpulan ini ke tempat-tempat tertentu di Kuala Lumpur.

Jadi kita akan kurangkan lori ini. Lori-lori yang ada pun boleh distandardkan, maknanya ada bentuk kontenakah ataupun lori yang cantik sedikit yang akan mengurangkan kesesakan. Dan lori-lori ini akan pergi ke tempat-tempat yang telah ditetapkan seperti sistem mini bus, dan bila hendak membawa balik barang pula, lori-lori ini akan mengambil barang-barang daripada Kuala Lumpur membawa ke pusat pengumpulan tadi. Di pusat pengumpulan ada lori-lori yang sudah sedia ada daripada Perak, Trengganu, Pahang, kawasan saya Jerantut, dan berbagai-bagai lagi kawasan mengambil barang daripada pusat pengumpulan membawa balik ke tempat masing-masing. Ini dapat dikurangkan lori di dalam Wilayah Persekutuan.

Sistem ini digunakan oleh negara-negara yang telah maju. Sebagai contoh di Jepun. Saya berpeluang menyaksikan sistem ini dilaksanakan dengan kemas sekali dan boleh pula mendatangkan keuntungan kepada perniagaan lain seperti di pusat pengumpulan tadi.

Jadi saya berharap benar di dalam Aerobus tadi kita melaksanakan satu cara ataupun sistem yang boleh dianggarkan mengurangkan kesesakan Lalulintas dan kita kena tambahkan tadi, satu, dua, tiga yang telah kita bangkitkan supaya dapat faedah yang lebih menguntungkan kepada Bandaraya dan juga seluruh negara.

Kemudian, saya ingin bercakap pula tentang Butiran 21 di mukasurat 161 iaitu berkenaan dengan Perparitan bersekali dengan Butiran 7 dalam mukasurat 160, P. 19 iaitu Infrastruktur.

Dua hari yang lalu, seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Dewan tadi, Kuala Lumpur telah mengalami banjir, dan seluruh Ahli-ahli Parlimen daripada luar bandar telah sama-sama mengalaminya sewaktu hendak pergi ke Kuala Lumpur Menghadiri sidang Dewan ini.

Apa yang kita dapat tahu rasanya ialah bahawa banjir ini berlaku ialah kerana sistem perparitan, sistem longkang dan taliair baik besar ataupun kecil tidak betul, tersumbat dan sebagainya. Jadi walau hujan sedikit pun kita ada banjir sedikit. Kalau hujan banyak, kita akan ada banjir besar lagi dan begitulah.

Tuan Pengerusi, seperti yang pernah saya terbaca kenyataan Dewan Bandaraya di akhbar dan juga di Kementerian berbagai-bagai langkah telah diambil untuk mengatasi masalah banjir serta membaiki sistem taliair dan parit-parit serta longkang ini.

Walau bagaimanapun, Tuan Pengerusi, suka di sini menjelaskan ataupun mencadangkan kepada Kementerian ini bahawa di sekeliling Kuala Lumpur ini, Bandaraya di keliling oleh Negeri Selangor yang berhampiran seperti di kawasan Ampang, Petaling Jaya, Ulu Klang. Walaupun longkang-longkang ini tersumbat bukan sahaja daripada projek-projek dilaksanakan di dalam Bandaraya, tetapi ada juga dari projek-projek yang dilaksanakan di luar Bandaraya Kuala Lumpur.

Dan di situ kita tidak dapat mengadakan satu sistem di mana kita boleh kawal mereka. Umpamanya, pemaju perumahan di daerah Selangor di sebelah sempadan sana, mereka boleh memotong tanah, mengangkut dan sebagainya dan menyebabkan saluran itu akan keluar kepada Bandaraya. Jadi walaupun ada ambil tindakan oleh Bandaraya, di kawasannya tetapi kalau disebelahnya

tidak ambil tindakan, perkara yang sama juga akan berlaku. Tanah-tanah dan juga lumpur-lumpur daripada kawasan projek perumahan itu boleh dibawa oleh air ke kawasan Bandaraya.

Oleh itu, salahnya kalau sekiranya pihak Dewan Bandaraya mengadakan satu kerjasama ataupun Jawatankuasa yang boleh menyelaraskan pembangunan di kawasan Kuala Lumpur dan di sekelilingnya seperti dengan kerajaan Negeri Selangor melalui umpamanya Majlis Daerah Petaling, Majlis Daerah Ulu Langat/Kajang dan sebagainya, supaya mereka juga dapat mematuhi peraturan-peraturan yang telah dipatuhi oleh pemaju-pemaju perumahan di Kuala Lumpur.

Ini saya rasa penting oleh kerana seperti yang saya katakan tadi dalam kawasan yang kecil di Kuala Lumpur, kita bersedap dengan jiran-jiran kita di selangor dan juga dan mungkin di negeri yang lain seperti di Pahang tetapi kalau tidak diselaraskan maka masalah bukan sahaja melibatkan kawasan itu tetapi juga kawasan Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi, begitu juga di Kuala Lumpur sendiri, nampaknya para pemaju bangunan-bangunan dan juga perumahan-perumahan tidak berapa menghiraukan tentang masalah yang boleh membawa parit-parit dan longkang ini tersumbat, habuk-habuk dan sebagainya. Kalau kita lalu di kawasan pembinaan yang baharu sedang berjalan, kaki akan didapati habuk-habuk berterbangan, lumpur-lumpur dan sebagainya.

Saya cuma dapat jumpa satu sahaja yang mana syarikat yang membina projek itu iaitu bangunan tambahan Bank Negara, yang mengadakan satu sistem apabila lorinya hendak ke luar ke jalan raya, dipancut dengan air tayarnya dan tayar itu bersih ketika

keluar ke jalan raya dan tidak membawa debu. Itu satu syarikat sahaja yang saya jumpa begitu tetapi berpuluh-puluh syarikat lagi kita tidak jumpa. Jadi perkara seumpama ini, pada fikiran saya, Dewan Bandaraya kita kena tegas supaya bandaraya kita bersih. Dan kalau sekiranya Dewan Bandaraya dan kakitangannya telah membersihkan bandaraya ini, tetapi masih ada pula pengusaha dan pemaju mengotorkannya, itu tidak menjadi perkara yang sangat tidak baik untuk diteruskan.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi ialah saya ingin bercakap di muka surat 161, Butiran 20—Jalan-jalan dan Jambatan-jambatan. Ini berkaitan dengan jalan-jalan di dalam bandar iaitu lorong-lorong. Saya perhatikan dan saya ingin mengambil contoh di Jalan Tuanku Abdul Rahman. Lorong-lorong ataupun jalan-jalan yang pergi ke dalam daripada Jalan Tuanku Abdul Rahman ini tidak ada tempat yang dibuat untuk orang melintas jalan. Jadi apabila orang hendak keluar daripada lorong ini, kereta lalu dengan laju dan orang pun berjalan dan berlumba-lumba antara manusia dengan mesin, dengan kereta. Jadi saya menyeru kepada Dewan Bandaraya di bawah Kementerian ini, biarlah jalan-jalan itu dibuat lorong-lorong jalan kaki supaya kereta-kereta yang lalu dapat berhenti apabila ada orang lalu. Ini adalah mengenai lorong yang kecil dan bukan jalan besar dan kalau kita perhatikan di negara-negara lain, di negara yang maju yang tamadunya lebih tinggi daripada kita, mereka sangat mengutamakan orang-orang berjalan kaki. Jika ada orang menyeberang berjalan kaki, kereta akan berhenti, ada lorong, ada tempat yang khas tetapi kita di sini tidak begitu. Kereta mesti jalan dahulu, kalau hendak langgar, langgarlah orang-orang yang lalu itu. Jadi di manakah kedudukan kita sebagai manusia yang dijadikan oleh Tuhan

sebagai makhluk yang paling mulia, apabila mesin pun boleh melanggar kita dan tidak mengutamakan keselamatan diri kita sendiri? Saya menyeru kepada Dewan Bandaraya supaya dapat dibuat perkara-perkara yang tersebut itu.

Tuan Pengerusi, itulah tiga perkara di dalam Kementerian Wilayah Persekutuan ini seperti saya katakan tadi walaupun duduk di Kuala Lumpur ataupun Kuala Lumpur ini berada di dalam Wilayah Persekutuan, tetapi sebenarnya adalah merupakan satu simbol kepada pembangunan negara kerana ianya adalah Ibukota dan apabila disebut Ibukota ataupun Pusat Negara, maka ianya pentinglah kepada seluruh negara. Dengan itu, saya menyokong maksud Bekalan dan juga Pembangunan di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan bagi tahun 1984.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera.

5.23 ptg.

Tuan Gooi Hock Seng (Bukit Bendera): Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 2 di bawah P. 19 muka surat 160: Pengawalan Penempatan Setinggalan-setinggalan di Wilayah Persekutuan.

Tuan Pengerusi, masalah setinggalan adalah satu-satunya masalah yang akan tetap mempengaruhi Kementerian Wilayah Persekutuan selagi penghijrahan dari luar-luar bandar wujud.

Adalah diketahui bahawa kawasan-kawasan setinggalanlah yang ditujui oleh kebanyakan orang yang datang mencari rezeki di bandar Kuala Lumpur, termasuk wanita pekerja-pekerja kilang, sehingga setiap orang daripada empat orang di jalan raya Kuala Lumpur adalah merupakan seorang penghuni kawasan setinggalan.

Dalam menempatkan semula setinggalan-setinggalan dari satu-satu kawasan di mana mereka telah menetap sekian lama, adalah bermakna bahawa banyak emosi serta sifat-sifat keperibadian telah dibangkitkan. Dalam hal ini, saya ingin merakamkan rasa ketidakpuasan hati saya terhadap sikap Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan yang cuba memainkan ketiga-tiga peranan 'penggubal, penguatkuasa dan pejuang-pejuang setinggalan-setinggalan' yang menyebabkan percanggahan kepentingan dan menyusahkan usaha-usaha penguatkuasa-penguatkuasa mengatasi masalah-masalah setinggalan.

Sebagai contohnya, saya akan merujuk kepada pembersihan kawasan setinggalan Kampung Tun H.S. Lee, Sentul yang rakan saya dari Kepong telah berusaha membangkitkan dalam Ucapan Penangguhannya di Dewan yang mulia ini pada 4hb Ogos, 1983. Di Kampung ini, seramai kira-kira 483 rumah tangga setinggalan telah diberitahu bahawa kawasan mereka akan dibersihkan selepas Hari Raya Aidilfitri, termasuk 23 peniaga kecil, 4 tokong Cina dan 1 kuil India.

Banci terahir yang telah dijalankan oleh Dewan Bandaraya adalah dalam tahun 1978, di mana setinggalan-setinggalan telah ditanyakan tentang keutamaan kediaman yang digemari mereka sekiranya mereka terpaksa keluar dari kawasan tersebut, seperti rumah-rumah kos rendah, rumah pangsa murah atau tanah. Nampaknya banci ini tidak langsung mendatangkan apa-apa hasilpun kerana ianya tidak dipertimbangkan sama sekali dalam pembersihan kini, sebaliknya hanya meninggikan harapan sesia sahaja.

Setinggalan-setinggalan di Kampung Tun H.S. Lee telah diberikan pelbagai janji bahawa mereka akan ditempatkan semula di rumah-rumah

pangsa lima tingkat yang terdekat sekali di Sentul. Kekhuatiran mereka bahawa Dewan Bandaraya tidak akan menunaikan janjinya adalah terbukti kerana ada di antara mereka yang diagihkan flet-flet di Cheras serta Jalan San Peng, yang jauh dari tempat bekerja mereka yang asal di Sentul. Tanpa rundingan dengan bahagian penguat-kuasaan ataupun kakitangan-kakitangan perkhidmatan awamnya, Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan telah memberikan pelbagai syor kepada seorang wakil Jawatankuasa Setinggalan yang malangnya juga merupakan seorang petualang politik. Lapan di antara syor-syor ini adalah seperti berikut:

Pertama: Semua Penduduk-penduduk di Kampung Tun H.S. Lee yang terlibat akan ditempatkan di blok-blok rumah pangsa lima tingkat di Bandar Baru, Sentul. Untuk mengurangkan penderitaan rakyat kononnya Menteri berkenaan telah menyetujui bahawa selepas dipindahkan daripada kampung tersebut, mereka akan hanya dikehendaki membayar kadar sewa separuh-bulan selama enam bulan yang pertama.

Kedua: Sekiranya bilangan ahli-ahli keluarga mereka adalah terlalu ramai, keluarga berkenaan boleh memohon lagi satu atau dua unit rumah pangsa berkenaan. Kerajaan akan menimbangkan permohonan ini berdasarkan keperluan dan keadaan.

Ketiga: Sekiranya keadaan kewangan keluarga adalah buruk, mereka boleh

membayar wang cagaran unit rumah pangsa secara ansuran.

Keempat: Penduduk-penduduk kampung tersebut akan dipindahkan dalam masa 5 bulan dari bulan Ogos, iaitu paling awal pada akhir bulan Januari, 1984.

Kelima: Kerajaan akan merujuk kepada banci penduduk kawasan tersebut bagi tahun 1978 bersama-sama dengan penyiasatan terakhir yang telah dijalankan Untuk menentukan bilangan penduduk yang sebenar, pihak Kerajaan akan berdasarkan penyiasatan tersebut untuk mengambil semula penduduk-penduduk yang telah terbiar.

Keenam: Berhubung dengan tokong Cina dan kuil India, Kerajaan akan mengambil perhatian ke atas rayuan-rayuan mereka.

Ketujuh: Berhubung dengan kadar sewa rumah pangsa yang terlalu tinggi, Menteri Wilayah Persekutuan telah bersetuju menurunkan kadar tersebut. Akan tetapi cadangan ini hendaklah diputuskan oleh Kabinet menurut beliau.

Kelapan: Berhubung dengan masalah perusahaan kecil, ternakan dan kedai-kedai runcit, Menteri berkenaan telah menjawab bahawa terdapat 40 ekar tapak perusahaan di mana Kerajaan belum lagi memulakan

pembangunan. Oleh kerana Wilayah Persekutuan tidak mempunyai tanah lagi untuk tujuan ini sekurangnya beliau tidak menafikan bahawa Kerajaan mendapati sukar untuk memberikan mereka tanah bagi matlamat yang sama.

Tuan Pengerusi, hanya setelah berunding dengan Pegawai-pegawai Penguatkuasanya, beliau telah mendapati bahawa syor-syor beliau terpaksa ditarik balik. Satu tindakan yang mengecewakan ramai penghuni-penghuni kawasan setinggian tersebut apabila mereka menerima notis terakhir baru-baru ini. Mereka adalah dikehendaki mengosongkan kawasan itu pada akhir bulan November ini, bukan menjelang akhir bulan Januari, 1984.

Usaha mengurangkan beban kewangan ke atas mereka pada enam bulan pertama juga tidak tercapai, bersama dengan kelapan-lapan syor yang telah saya nyatakan tadi dan masalah peniaga-peniaga kecil serta tempat-tempat ibadat. Sekali lagi saya menyeru kepada Kementerian Wilayah Persekutuan untuk memikirkan masalah setinggian-setinggian ini serta berusaha dengan ikhlas serta benar-benar untuk menolong mereka tanpa mengeluarkan omong-omong kosong sahaja.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus.

5.30 ptg.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan (Kuala Nerus): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu, saya mengucapkan

ribuan terima kasih. Saya suka bercakap dalam muka 153, Maksud Bekalan 19, Kementerian Wilayah Persekutuan, Program (2), Pentadbiran Ugama Islam Wilayah Persekutuan. Merangkumi P. 19, muka 160, Butiran 3 dan Butiran 14, Pejabat-pejabat Cawangan Bandaraya. Disambungi dengan P. 19, Butiran 3, Sistem Pengangkutan Awam.

Tuan Pengerusi, banyak kita kedengaran bahawa dalam kesesakan Bandaraya sebagaimana apa yang disebutkan oleh Wakil Jerantut tadi, sungguhpun bandaraya ini, Bandaraya yang bahawasanya tidak bersangkut dengan penduduk ataupun Wakil-wakil daripada luarbandar, tetapi adalah suatu tempat tumpuan keseluruhan. Maka menjadi suatu perkara yang depan mata pada kesemua orang atau semua pihak. Tentulah macam-macam pendapat mengatakan kita banyakan tempat-tempat letak kereta, banyakan jalan-jalan, lorong-lorong dan sebagainya.

Pada pandangan saya, sebenarnya Bandaraya ini sudah sempit disebabkan ramai penduduk-penduduk dan orang yang datang. Jadi pada menyeluruhnya, maknanya tentang kesempitannya itu tidak berpadanan dengan orang ramai. Oleh itu, saya mengesyorkan kepada Kerajaan supaya membuka bandar sebagaimana luasnya Kuala Lumpur atau kecil sedikit berhampiran dengan bandar ini yang mana kita tengok bahawa ada lapang-lapang ataupun tempat-tempat yang boleh dibuat ataupun dibuka seperti daripada Setapak, jalan untuk pergi ke Pahang didapati keluar sahaja daripada Setapak hendak pergi ke Pahang hendak melalui Batu Cave sejauh mata memandang tempat yang masih lapang. Maka di situ seharusnya pihak Kerajaan membina bandar yang serba lengkap sebagaimana bandar Kuala

Lumpur atau Wilayah Persekutuan, pejabatnya, pasarnya, hotelnya, serba-serbi dilengkapkan di situ.

Jadi tidaklah daripada mana-mana pihak ataupun mana-mana keliling-kelalang daripada Persekutuan ini, Bandar Persekutuan ini semuanya menuju kemari. Daripada Seremban, daripada Petaling Jaya pun menuju Kuala Lumpur. Daripada Setapak pun menuju ke Kuala Lumpur. Daripada mana-mana sahaja di sekeliling ini semuanya menuju ke tempat yang sempit ini. Oleh itu, kalaulah diluaskan, kawasan bandar itu diluaskan, dilegakan, maka kesesakan-kesesakan itu akan hilang. Misalan, orang yang datang daripada Petaling Jaya, bekerja officenya di Kuala Lumpur misalan, sebelah pagi, kalau daripada Petaling Jaya hendak bawa ke Kuala Lumpur mulalah berarak kereta-kereta. Sebelah petang pula mulalah jam, berarak hala ke Petaling Jaya pula. Ini tidak lain dan tidak bukan kerana keperluan berada dalam ini, Pejabat Tanah, pejabat itu dan pejabat ini dan sebagainya, maka sebab itulah jadi kesesakan.

Maka saya mengesyorkan satu lagi supaya Kerajaan mengadakan satu, dalam bahasa Arab panggil 'mujamma', dengan izin. Ertinya segala pejabat-pejabat diadakan satu building yang besar, semua pejabat di situ. Di bangunan itu kelengkapan segala pejabat hanya di situ. Di sebuah bangunan yang hebat besar semuanya ada di situ. Misalan, lapis pertama, Pejabat Tanah Lapis kedua, Pejabat apa. Lapis ketiga. Pejabat apa, ke semuanya di situ. Jadi ertinya kalaulah misalan pagi-pagi orang-orang hendak pergi bekerja misalannya pegawai-pegawai dan sebagainya menghala ke situ. Kesemua hala ke situ. Jadi tidaklah sama hala orang-orang yang hendak pergi beli kain, orang yang hendak pergi ke pasar, orang-orang yang hendak beli beras, orang yang pergi beli bawang, jadi semuanya tidak tertumpu kepada satu hala.

Adapun yang ada sekarang ini semuanya tertumpu kepada jalan yang satu. Orang hendak ke pasar, jalan itu juga. Orang hendak ke office pun jalan itu juga. Orang hendak pergi tempah baju-kah pun jalan itu juga. Jadi bagaimana jalan tidak boleh jadi sesak.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat bercakap di bawah Butiran apa?

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Saya bercakap dalam Butiran 14, Pejabat-pejabat Cawangan Bandaranya.

Tuan Pengerusi: Muka surat berapa?

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Muka surat 160. Tuan Pengerusi, sepertimana negara-negara yang berkesesakan manusia satu daripadanya contoh yang saya tengok, Cairo. Penduduknya hari ini dalam bandar Cairo lebih kurang 10 juta. Kesesakan-kesesakan yang saya pandang sama dengan bandar Kuala Lumpur ini, ataupun bandar Persekutuan ini tentang traffic-jams, tetapi kurang jam di bandar Cairo itu. Sebab yang saya kata begitu, pernah daripada Kuala Lumpur hendak sampai ke Petaling Jaya satu jam. Jadi, ini seolah-olah kata orang tidak percaya. Kalau daripada sini hendak ke Petaling Jaya satu jam itu maknanya tidak percaya, tidak menasabah. Kerana penduduk bandar Wilayah Persekutuan ini tidak ada banyak juta, tidak sampai 5 juta orang.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat kalau bercakap mengenai kesesakan jalanraya kena sebut Butiran 3—Sistem Pengangkutan Awam, bukan di bawah pejabat.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Ya, saya sudah sebutkan. Tuan Pengerusi, itulah sebabnya saya sebutkan merakumi tadi. Saya takut silap inilah.

Saya sudah sebut mula-mula saya bangun tadi, saya sebutkan butiran-butiran semua sekali.

Tuan Pengerusi: Sebutkan satu-satu lebih baik.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Saya sudah sebutkan tadi mukasurat 160, P. 19, Butiran 3, Program 2—Sistem Pengangkutan.

Tuan Pengerusi: Yang baik Yang Berhormat bercakap satu-satu. Satu tajuk dan bercakap mengenai hal tajuk yang tersebut.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Saya berfikir boleh pakai merangkumi begitu, sebab saya pernah dengar DAP bercakap begitu (*Ketawa*). Jadi, kadang-kadang DAP bercakap dia merangkumi disebut butiran atau kemudian dia rangkumi semua sekali.

Tuan Pengerusi: Itupun saya sudah tegur. Yang Berhormat dari Kota Melaka saya sudah tegur supaya sebut satu-satu.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Oleh itu, saya kembali kepada butiran yang diberi pandangan oleh Tuan Pengerusi itu iaitu satu-satu butiran. Jadi, sekarang saya masih lagi dalam Butiran 3, Sistem Pengangkutan.

Apa yang saya sebutkan tadi dengan keadaan penduduk yang ada dalam bandar Wilayah Persekutuan dengan kesesakan yang ada tidak munasabah, maka tidak lain dan tidak bukan walau macam mana pun dikaji, walau macam mana dibuat tempat letak kereta seberapa banyak, walau bagaimana dilapiskan bangunan-bangunan sekiranya kawasan ini tidak diluaskan, tidak boleh hilang kesesakan. Maka sebab itulah yang saya mencadangkan tadi pihak Kerajaan tengok di mana lapang yang luas maka binakan binaan-binaan yang lengkap sebagaimana yang ada di Wilayah Persekutuan sekarang. Sebagai contoh, sekali lagi saya sebutkan iaitu

pandangan sejauh mata memandang daripada Setapak hendak pergi ke Pahang, tanah lapang, nampaknya di situ kalau hendak bina banyak boleh dibina. Maka yang saya tengok kebanyakan di keliling-kelalang dibangunkan ialah rumah-rumah tempat tinggal, rumah teres, bangunan-bangunan perumahan tempat orang tinggal. Jadi, kalau dikeliling-kelalang dipagar bandar Wilayah Persekutuan oleh rumah-rumah tempat tinggal jadi di manakah pejabat hendak diletakkan. Di manakah tempat hendak menghilangkan sesak itu, bagaimana.

Dalam Butiran 3 ini juga Sistem Pengangkutan. saya tengok bas-bas mini, lalu di jalanraya dalam bandaraya tidak teratur sangat. Mana yang saya kata tidak teratur, kita boleh tengok hari-hari, agak saya bukan saya sahaja yang tengok. Sekali dia sampai ke stesyen bas banyak—pernah saya bilang 12 buah ke satu stesyen bas itu—tempat perhentian bas itu 12 kali sampai, kadang-kadang sebuah pun tidak ada. Jadi, 12 buah sekali sampai. Orang kampung dia tidak tahu, kadang-kadang dia hendak pergi ke mana, dia hendak pergi Ulu Kelang misal kata, dia naik tidak tentu hala kerana 12 buah sekali sampai. Pernah terjadi anak naik bas satu lagi, ayah naik bas yang satu lagi. Sudahlah begitu, kadang-kadang tunggulah hamba Allah ini beramai-ramai bas mini ini sebuah pun tidak ada. Sekali dia datang, tidak daya hendak naik kerana banyak sangat. Ini menunjukkan sistem itu tidak ada. Sistem tidak ada kenapa tidak buat sistem. Kenapa dia tidak buat sistem, tidak ada diarahkan, tidak ada dipaksa, tidak ada diperintah, tetapi kalau diperintah, ditengok saya rasa dia tidak boleh jadi begitu. Apabila dia datang 12 buah sekali ataupun 10 buah sekali, sudahlah kereta-kereta lain hendak berjalan tidak boleh, tersekat dengan bas mini ini. Sudahlah pula itu, comil-comil pula, halus-halus

bas itu. Mentang-mentang nama mini bukan mesti halus ataupun istilah makna mini mesti halus ataupun kecil. Oleh itu, saya mencadangkan supaya Kerajaan mengadakan bas itu biar besar sedikit dan elok sangatlah kalau sekiranya diadakan bas dua tingkat. Jadi, kalau dua tingkat itu barangkali tidak nama mini, tidak payah nama mini pun tidak apa, asalkan lega dan senang orang hendak berjalan untuk hendak berjalan dan hendak naik tidak menjadi kesesakan sangat, tidak payah nama mini tidak apa, saya rasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Yang kedua, dalam sistem pengangkutan ini juga, label tempat perhentian bas itu, patutnya adalah ditulis, bas ini nombor sekian-sekian, ke mana dia akan pergi. Dia akan masuk lorong mana, di perhentian bas itu tidak ada satu tulis, No. 14 ke mana jalan hendak pergi, No. 13 ke manamana jalan hendak pergi, jadi bagaimana orang hendak tahu. Kalaulah sekiranya adalah misalnya label senang orang tunggu bas itu, bas ini pergi ke jalan ini, No. 14 pergi ke jalan ini, bolehlah kita naik bas ini kerana bas ini sampai ke kampung itu, bolehlah orang tahu. Kalau tidak bagaimana orang hendak tahu. Kalau sekiranya orang yang duduk di Chow Kit bermastautin di situ tidak mengapalah. Yang bermastautin di situ dia tidak naik bas mini. Yang naik bas mini ini orang-orang jauh, orang-orang kampung sampai di sini dia hendak pergi ke rumah anak-cucunya, naiklah bas mini, hendak naik teksi mahal, maka di manakah dia hendak berpandu. Terpaksalah apabila bas berhenti kadang-kadang menjengok, bas ini pergi ke mana. Orang kata pergi ke sini, ke sini. Berhenti lagi, tanya lagi bas ini pergi ke mana? Kadang-kadang ayah baharu tanya, anak sudah naik bas. Jadi, sistem itu jadi berkecamuk.

Tuan Pengerusi: Yang emaknya itu? (*Ketawa*).

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Jadi, yang emaknya barangkali masih duduk di stesen itulah (*Ketawa*). Inilah keadaannya. Jadi, ini sebenarnya memalukan. Siapa yang malu? Malu drebar bas itukah, malu orang hendak naik bas itukah? Malu siapa? Malu Kerajaan. Ditengok oleh pelancong yang datang, malu Kerajaan. Oleh sebab itulah elok dalam perkara-perkara yang seumpama ini kita mengambil perhatian yang berat dan segera. Oleh yang demikian, saya mengesyorkan supaya Kerajaan mengambil perhatian yang paling segera perkara yang seumpama ini.

Tuan Pengerusi, dalam Butiran 1100, Program 2—Pentadbiran Ugama Islam Wilayah Persekutuan. Saya suka sebutkan dalam perkara Pentadbiran ugama Islam Wilayah Persekutuan ini, sebagaimana apa yang disebutkan oleh wakil dari Tumpat tadi maka bagi pihak saya amat menyokong penuh apa yang disebut oleh beliau tadi dan apa yang saya hendak sebutkan ini tidak begitu jauh daripada apa wakil Tumpat sebut tadi.

Tuan Pengerusi: Saya ingat janganlah diulang-ulangkan kerana kita hanya tinggal sebelas hari sahaja lagi dan kita masih ada 21 Kementerian lagi yang kita hendak bahaskan. Perkara itu sudahpun diucapkan. Saya berharap janganlah diulang.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Ya, Tuan Pengerusi. Sebenarnya apa yang disebutkan oleh wakil dari Tumpat tadi seimbang sahaja tetapi bukan tepat perkara itu.

Tuan Pengerusi: Bagi tepat sahaja, tidaklah panjang-panjang sangat.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Apa yang saya hendak sebutkan ini ialah perkara apa yang saya lihat dalam Wilayah ini iaitu masjid-masjid. Agaknya belum disebut oleh wakil dari Tumpat mengenai masjid-masjid.

Sebagaimana Bandaraya Wilayah Persekutuan ini ialah satu bandar yang boleh dikatakan cantik, jalan dan sebagainya boleh dikatakan cantik, masya Allah, tetapi untuk menyesuaikan cantik bandar kita itu eloklah kawasan-kawasan masjid itu dicantikkan juga. Saya mengesyorkan kepada Kerajaan supaya membesar dan meluaskan sedikit masjid-masjid yang ada dalam Wilayah Persekutuan ini sebagai tambahan kerana memandangkan hari Jumaat, orang sembahyang Jumaat ada yang sampai ke tanah, ada yang sembahyang di tangga, ada yang sembahyang di tengah jalan, ada yang sembahyang di tepi kereta. Boleh dikatakan tiap-tiap masjid begitu. Jadi kita lihat, orang-orang yang bukan Islam lihat yang bahawasanya orang-orang Islam sujud di tepi-tepi tayar kereta, sujud di tepi-tepi longkang. Ini benar-benar saya kata, jadi imej atau syiar Islam yang begitu bersih di dalam sebuah negara yang cukup lengkap Tuhan beri kemajuan dan harta benda yang Tuhan beri kepada negara kita dengan cukup hasil-hasil bumi, malu imej syiar orang-orang Islam, ini tidak manis.

Oleh yang demikian, rasa saya elok sangatlah bagi pihak Kementerian Wilayah Persekutuan mengambil perhatian dalam hal ini dan saya mengesyorkan supaya membesarkan iaitu tambahkan masjid-masjid yang kecil itu walaupun tidak secara batu ertinya walaupun secara zinc sekalipun tetapi janganlah biarkan orang sembahyang di tepi-tepi longkang atau di tepi-tepi tayar kereta. Cubalah kita lihat pada hari Jumaat, orang-orang lambat datang, maklumlah kesemuanya masing-masing bekerja ada kalanya datang lambat. Di sebabkan lambat itu kerana pejabatnya jauh, mereka terpaksa naik bas dan sebagainya, tidaklah sebagaimana orang ada kereta boleh pergi cepat. Maka terpaksalah sembahyang itu di belakang.

Sembahyang di belakang tadi kadang-kadang bentang kertas surat khabar, ada di antaranya tidak sempat ada surat khabar, sujud di atas kaki lima. Yang saya sebut ini bukan saya reka-reka.

Saya pernah juga di Wilayah ini saya pergi sembahyang, kadang-kadang lambat sedikit kena di tepi jalan, sudahlah ada setengah-setengah orang pula sembahyang sujud di atas tanah, sah sujud itu dalam Islam, tidak mengapa asalkan tiada najis, sah walaupun bagaimana, tetapi keaipan syiar orang-orang Islam sebagai sebuah negara iaitu ugama Islam ugama rasmi dipandang oleh orang-orang bukan Islam, tidak manis. Maka setakat ini sahaja rasa mencukupi. Inipun sudah panjang sangat rasanya.

Dengan itu, saya akhiri dengan menyokong Perbekalan 1984 Kementerian Wilayah Persekutuan.

Tuan Pengerusi: Saya minta Menteri berkenaan menjawab.

5.55 ptg.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan (Tuan Ahmad Shah bin Datuk Hussein Tambakau): Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan Belanjawan 1984 dan menyentuh perkara-perkara dalam bidang kuasa Kementerian Wilayah Persekutuan. Yang terdapat daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang membahaskan Belanjawan ini dalam Kementerian Wilayah Persekutuan cuma lima orang sahaja dan inginlah saya merakamkan ucapan terima kasih kepada kelima-lima mereka, Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, Yang Berhormat dari Jerantut, Yang Berhormat dari Tumpat, Yang Berhormat dari Bukit Bendera dan Yang Berhormat dari Kuala Nerus. Oleh kerana tiada ramai yang membahas dan menyentuh

perkara-perkara Kementerian Wilayah Persekutuan, sukaiah saya mengambil kesempatan di sini untuk memberi penjelasan di atas perkara-perkara seboleh-bolehnya semua perkara-perkara yang dibangkitkan.

Tuan Pengerusi, daripada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar adalah menyentuh dengan sistem pengangkutan awam iaitu Aerobus ataupun Light Rapid Transit. Perkara ini juga disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Jerantut yang telahpun membuat teguran di atas kos perbelanjaan untuk membiayai projek ini dan juga memberi cadangan-cadangan supaya sistem seperti ini dapat lebih berkesan lagi.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan telahpun berkata dalam Dewan yang mulia ini semasa menjawab soalan Ahli dari Kuala Lumpur Bandar mengenai dengan berapakah jumlah kos projek sistem Aerobus dan sama ada sistem pengangkutan seperti ini akan membawa kesan yang maksima kepada penduduk-penduduk dan penderang-penderang di Wilayah Persekutuan.

Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri, beliau telah menyatakan bahawa Kerajaan sudah memang mengambil kira keadaan ekonomi kita sekarang dan juga keadaan kesesakan lalulintas di bandaraya Kuala Lumpur dan juga beliau telahpun mengatakan bahawa projek ini akan dikendalikan oleh pihak swasta dan juga dengan Dewan Bandaraya yang akan memegang ekuiti secara usahasama dan dapat melaksanakan projek pengangkutan awam Aerobus ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah menyentuh mengenai tambang supaya kadar tambang Aerobus nanti bila siap dilaksanakan dapat diseimbangkan

dengan kemampuan penduduk-penduduk terutama sekali khusus untuk orang-orang yang berpendapatan rendah di bandaraya Kuala Lumpur ataupun di Wilayah Persekutuan.

Perkara ini telahpun dijelaskan dan telahpun diumumkan dalam jawapan dahulu bahawa dalam melaksanakan projek ini objektif kita ataupun keutamaan kita ialah supaya dapat kita memberi satu sistem pengangkutan yang berkesan, bukanlah semata-mata untuk menjadikan projek ini sebagai satu projek untuk mendapatkan keuntungan yang besar. Memandangkan bahawa sistem pengangkutan yang ada pada masa sekarang ini tidak mencukupi dan juga pertambahan penduduk di Wilayah Persekutuan, maka Kerajaan mengambil ketetapan untuk melaksanakan projek ini.

Tuan Pengerusi, selain daripada projek Aerobus itu Kerajaan juga akan melaksanakan projek LRT, ataupun Light Rapid Transit ataupun Transit Laju Ringan dalam Bahasa Kebangsaan. Tujuan utama kita mengadakan sistem seperti ini ialah supaya kita dapat membawa atau mengangkut orang ramai dari luar bandar ke dalam bandar dan orang-orang dalam bandar pula dapat dibawa ke tempat-tempat yang mereka hendak pergi dengan cepat dan seterusnya mereka yang hendak balik ataupun keluar daripada bandar dapat dihantar dengan cepat juga. Itulah tujuan asal kita mengadakan projek seperti ini dan juga kita mengadakan projek seperti Aerobus ini di mana satu projek yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jerantut tadi satu projek di atas daripada tanah, ataupun dengan izin, above the ground. Kita boleh mengadakan projek pengangkutan di bawah tanah ataupun di atas daripada tanah. Projek Aerobus ini merupakan projek atas

tanah ataupun above the ground. Kita mengadakan projek ini sebab keadaan sekarang dengan adanya kesesakan lalulintas di jalan-jalanraya di Kuala Lumpur tidaklah mengizinkan lagi untuk kita mengadakan satu lagi sistem bersama-sama dengan sistem kenderaan yang lalu di lalulintas yang ada di dalam bandar Kuala Lumpur. Maka dengan itu Kerajaan mengambil ketetapan untuk melaksanakan sistem Aerobus ini.

Daripada segi tambang pula, ingin saya mengesyorkan di sini kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa tambang yang akan dikenakan akan mengambil kira semua kos-kos yang termasuk dalam perkhidmatan sistem seperti ini dan tidaklah pula kita bercadang untuk mengutip ataupun mengambil keuntungan yang begitu besar.

Tuan Pengerusi, kenaikan kos projek Aerobus seperti ini yang mana Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar mengatakan pada asalnya anggaran ialah sebanyak \$83 juta dan sekarang pula menelan belanja sebanyak \$110.7 juta termasuk freight charge bayaran perkhidmatan perunding dan pembayaran tanah.

Pada mulanya, Tuan Pengerusi, bila sahaja projek ini dikaji (feasibility study), atau dibuat, memanglah harga pada asalnya itu dianggar sebanyak \$83 juta tetapi apabila projek ini tidak dapat diteruskan seterusnya oleh kerana kita kena buat beberapa kajian secara teliti maka dalam tempoh yang sama itu kos-kos barang, kos-kos bayaran yang lain pun meningkat. Dan itulah satu-satunya sebab kos ini meningkat sampailah kos yang dianggarkan sekarang ini.

Perkara seterusnya yang dibangkitkan dan disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar ialah mengenai dengan pengawalan penempatan setinggan-setinggan, beliau menegaskan supaya satu-satunya dapat diselesaikan

dengan berkesan. Sukalah saya memberi penjelasan di sini bahawa pihak Kementerian Wilayah Persekutuan memang sedar bahawa masalah perumahan merupakan satu masalah yang besar di Wilayah Persekutuan. Kedudukan dan peranan bandaraya Kuala Lumpur menjadi tumpuan kebanjiran penduduk-penduduk dari luar bandar datang ke bandaraya Kuala Lumpur sehinggalah melahirkan rumah-rumah setinggan di mana rumah-rumah yang ada, rumah-rumah kos rendah, rumah-rumah pangsa itu tidak mencukupi untuk menampung keperluan orang-orang yang berhijrah ke pekan bandaraya Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi, menyedari masalah ini dan jika tidak dibendung dan dikawal dari awal ia boleh menimbulkan kesan-kesan yang buruk maka oleh itu pada tahun 1978 satu proses bancian setinggan-setinggan di seluruh Wilayah Persekutuan dijalankan. Tujuan bancian ini ialah untuk mengenal nama-nama dan bilangan kampung-kampung setinggan dan secara tidak lansung memberi pengesahan rumah-rumah setinggan yang ada pada masa itu. Bagi rumah-rumah atau bangunan-bangunan yang didirikan selepas tahun 1978 di mana telahpun melanggar undang-undang yang berkuatkuasa pada masa itu, tindakan tegas diambil sama ada kita menyuruh penduduk-penduduk atau penghuni-penghuni rumah setinggan ini berpindah ke tempat-tempat yang disediakan ataupun tempat-tempat yang sesuai untuk mereka duduk dan yang tidak pula berpindah, kita ambil tindakan yang tegas supaya kita dapat mengawal daripada bertambahnya setinggan-setinggan secara besar-besaran di kawasan-kawasan Wilayah Persekutuan. Tindakan dan kawalan yang tegas ini perlulah diambil bagi mengelakkan rumah-rumah dan bangunan-bangunan dibina tanpa mengira tempat dan implikasi buruk yang timbul.

Disamping itu juga jika rumah-rumah atau bangunan-bangunan setinggan ini tidak dikawal ianya boleh melambatkan dan menjejaskan pelaksanaan projek-projek dalam rancangan Kerajaan atau agensi-agensi Kerajaan terutama sekali projek-projek perumahan awam, Pihak Kerajaan memang tidak mempunyai dasar untuk mengusirkan setinggan-setinggan yang lama yang telah dibanci dan didaftarkan pada tahun 1978. Sepertimana yang kita telahpun membaca di dalam suratkhabar, Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan telahpun membuat pengumuman bahawa Kementerian beliau tidak akan mengusir setinggan-setinggan jika setinggan-setinggan ini tidak menghalang pelaksanaan projek-projek yang dirancang di dalam Wilayah Persekutuan.

Manakala bagi setinggan-setinggan yang terpaksa dipindahkan ke tempat yang lain untuk memberi jalan supaya projek-projek yang di dalam rancangan dilaksanakan, notis-notis diberi sekurang-kurangnya sebulan sebelum mereka dikehendaki berpindah dan juga dailog-dailog diadakan terlebih dahulu. Akan tetapi bagi rumah-rumah dan bangunan-bangunan setinggan baru tindakan untuk menyuruh mereka pindah itu dijalankan oleh Pegawai-pegawai Penguatkuasa Dewan Bandaraya dalam usaha untuk mengawal pertambahan setinggan-setinggan.

Jadi, Tuan Pengerusi, sukalah saya tegaskan di sini bahawa Kementerian tidaklah dengan sewenang-wenangnya mengusir setinggan-setinggan yang ada sekarang, tetapi akan memberi notis kepada mereka-mereka yang terlibat di kawasan-kawasan di mana projek-projek akan dilaksanakan.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar juga mengesyorkan supaya Kementerian membina lebih

banyak lagi dan menyewa rumah-rumah kos rendah kepada setinggan-setinggan. Kementerian saya dengan kerjasama pihak swasta memang memberi penekanan ke atas pembinaan rumah-rumah kos rendah untuk menampung keperluan orang-orang yang berkehendakan rumah-rumah kos rendah ini di Wilayah Persekutuan. Memanglah ini dijalankan dengan hebatnya.

Ahli Yang Berhormat itu juga mencadangkan supaya mengadakan satu dasar membenarkan setinggan-setinggan menghuni rumah mereka sehingga tanah itu dikehendaki untuk pembangunan.

Tuan Pengerusi, tidak perlulah bagi kita mengadakan satu dasar lagi kerana Kementerian Wilayah Persekutuan memang pun mengadakan dasar untuk menempatkan semula setinggan-setinggan di seluruh kawasan Wilayah Persekutuan dan di mana saya katakan tadi, kita juga tidak mempunyai dasar untuk mengusir, menyuruh dan mendesak mereka keluar daripada kawasan-kawasan yang tersebut.

Perkara yang satu lagi ialah mencari satu tapak yang sesuai dan disediakan satu pusat untuk mangsa-mangsa bencana alam seperti mangsa-mangsa kebakaran dan banjir. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tindakan seperti ini sememang dalam rancangan Kementerian saya dan selepas sahaja kajian dibuat, kita akan mengadakan bukan sahaja satu pusat tetapi mungkin dua tiga pusat memandangkan bahawa kebanjiran ataupun kebakaran rumah-rumah ini bukanlah tertumpu kepada satu tempat sahaja. Malahan pula tempat kebanjiran ini berlaku di dua tiga tempat di Wilayah Persekutuan. Maka dengan itu Kementerian saya memang sedia mempunyai cadangan dan rancangan untuk mengadakan satu dua pusat. Buat sementara waktu apabila berlaku kebanjiran dan

kebakaran seperti ini kita menggunakan pusat-pusat yang ada untuk menampung mangsa-mangsa banjir ataupun kebakaran ini.

Menyentuh dengan masalah perparitan sepertimana juga dibangkitkan masalah kebanjiran di mana dalam belanjawan telahpun dikenakan token vote sebanyak \$10 sahaja.

Tuan Pengerusi, Jabatan Parit dan Taliair memang di bawah kelolaan Kementerian yang berkenaan. Jadi Jabatan Parit dan Taliair dalam Wilayah Persekutuan memang di bawah bidangkuasa Kementerian Wilayah Persekutuan tetapi peruntukan yang diberi kepada Jabatan Parit dan Taliair Wilayah Persekutuan adalah termasuk di dalam peruntukan Kementerian asal Jabatan Parit dan Taliair. Kalau Ahli Yang Berhormat semak semula belanjawan 1984 memang terdapat peruntukan yang agak besar untuk Jabatan Parit dan Taliair.

Ahli Yang Berhormat itu juga meminta masalah mengadakan satu program pencegahan banjir. Kerajaan memang ada rancangan dan program pencegahan banjir, tetapi program ini merupakan program jangka panjang di mana Kerajaan menghendaki supaya kesemua sungai-sungai dan sistem perparitan itu diperbaiki. Kita semua maklum bahawa terjadinya banjir di Wilayah Persekutuan ini ialah kerana keadaan sungai-sungai dan longkang-longkang yang ada sekarang ini. Maka dengan adanya program seperti ini, insya Allah pada masa yang akan datang masalah banjir tidaklah buruk seperti yang ada sekarang.

Beliau juga menyentuh mengenai longkang-longkang yang tidak dibersihkan, longkang-longkang yang tersumbat. Suka saya terangkan di sini, Tuan Pengerusi, bahawa Kempen Kebersihan seluruh negara yang

dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah merupakan satu kempen untuk membersihkan semua tempat bukan sahaja di jalanraya-jalanraya bahkan juga di dalam-dalam longkang. Jadi, saya berharap kepada Ahli Yang Berhormat supaya dapatlah mengambil peluang ini khususnya di kawasan beliau sendiri di Bandaraya Kuala Lumpur supaya dengan adanya Kempen Kebersihan ini dapat kita membersihkan semua longkang-longkang, parit-parit yang ada supaya air daripada hujan-hujan lebat itu dapat mengalir dalam longkang-longkang, parit-parit ke dalam sungai, supaya masalah kebanjiran itu dapat dikurangkan.

Seterusnya juga dalam menjaga kebersihan Bandaraya Kuala Lumpur, Ahli Yang Berhormat mengesyorkan supaya Undang-undang Kecil itu dijalankan dengan tegas, siapa yang salah dikenakan denda selaras dengan apa yang ada terkandung dalam Undang-undang Kecil.

Tuan Pengerusi, memang inilah tujuan kita supaya kita sama-sama dapat memastikan kebersihan bukan sahaja Bandaraya Kuala Lumpur, bukan sahaja Wilayah Persekutuan, tetapi seluruh negara kita. Oleh yang demikian, memandangkan bahawa masih banyak lagi kawasan-kawasan yang belum dibersihkan di Wilayah Persekutuan khususnya, maka Kementerian Wilayah Persekutuan telahpun mengambil langkah untuk meneruskan lagi kempen kebersihan sampai bulan Februari tahun depan. Kita berharap dalam kempen ini kita boleh dapat perubahan-perubahan di Wilayah Persekutuan dan juga khususnya di Bandaraya Kuala Lumpur yang kita dapat banggakan. Oleh itu saya juga telahpun mengumumkan satu hot line letaknya di Bilik Gerakan Dewan Bandaraya di mana tiap-tiap orang yang kita

nampak membuang sampah di merata-rata tempat, mengotorkan kawasan-kawasan haruslah kita buat aduan, laporan kepada pegawai yang bertugas dan mereka bolehlah menghantar pegawai-pegawai supaya dapat menangkap siapa-siapa sahaja yang membuang sampah-sarap di merata-rata tempat.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar ialah mengenai kadar sewa rumah pangsa. Pada bulan Oktober, Kementerian Wilayah Persekutuan telahpun mengambil ketetapan bila sahaja diluluskan oleh Jemaah Menteri supaya kadar sewa rumah-rumah pangsa purata ditetapkan sebanyak 73% iaitu di antara 55% hingga 102%. Ahli Yang Berhormat membangkitkan bahawa penghuni-penghuni rumah-rumah pangsa ini tidak membantah kenaikannya, tetapi suka membuat rujukan supaya ianya disemak semula supaya dapat dikurangkan lagi.

Tuan Pengerusi, memandangkan bahawa nombor satu kenaikan sewa rumah pangsa ini sudah lama tidak dikenakan dan memandangkan bahawa kos-kos material, kos-kos barang-barang untuk memperbaiki kemudahan-kemudahan yang ada di rumah-rumah pangsa, kos-kos gaji telahpun meningkat, maka sampailah masanya untuk kita sekali lagi mengkaji kadar-kadar sewa rumah pangsa supaya tidak semuanya beban ditanggung oleh satu pihak sahaja.

Tuan Pengerusi, dalam masalah ini kita haruslah mengambil perhatian di atas kemudahan-kemudahan yang diberi oleh Dewan Bandaraya dan juga kita memastikan supaya kemudahan-kemudahan diberi dengan selengkap-lengkapnya, maka dengan itulah kita sekali lagi menyemak semula kadar sewa yang dikenakan kepada rumah-rumah pangsa.

Merujuk perkara vandalism yang ada di rumah-rumah pangsa seperti kerosakan lift, alat-alat elektrik dan tong-tong sampah. Ini memang berlaku dan Dewan Bandaraya tidak akan bertolak-ansur terhadap orang-orang yang ditangkap merosakkan lift terutamanya dan lain-lain lagi kemudahan yang ada di rumah-rumah pangsa, ataupun di kawasan perumahan Bandaraya yang lain. Vandalism kalau tidak dikawal, Tuan Pengerusi, memang akibatnya merugikan pihak Kerajaan dan kerugian ini boleh menjadi besar, maka dengan itu pihak Dewan Bandaraya dengan adanya pegawai-pegawai bertugas memang mengambil berat masalah vandalism ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar juga menyentuh mengenai dengan masalah pam-pam air yang mana beliau mengatakan bahawa ada sebilangan daripada pam-pam air tidak diberi maintenance dan terdapat kerosakan di satu dua tempat.

Pihak Dewan Bandaraya memang sentiasa menjalankan pemeriksaan terhadap pam-pam air yang ada, lampu-lampu elektrik dan lain-lain lagi kemudahan juga di kawasan-kawasan perumahan rumah-rumah pangsa. Satu lagi perkara yang disentuh oleh beliau ialah dengan lesen iklan papantanda.

Menyentuh mengenai pelesenan papantanda-papantanda di Bandaraya Kuala Lumpur.....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Ahli-ahli Yang Berhormat, seperti yang saya telah sebutkan tadi kita ada 20 Kementerian lagi untuk dihabiskan dan kita hanya ada 11 hari sahaja. Ini bermakna kita kena menghabiskan sekurang-kurangnya dua Kementerian satu hari. Bersangkut dengan perkara ini saya mintalah Ahli-ahli Yang

Berhormat jangan memanjang-
manjangkan ucapan masing-masing
dan janganlah diulang-ulangkan apa-
apa satu perkara yang telahpun
diucapkan oleh Ahli-ahli Yang
Berhormat yang lain-lain, dengan cara
ini kita berharap kita tidak payah lagi
hendak bersidang jauh malam pada
hari hampir-hampir penghabisan
ataupun pada hari penghabisan.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan Yang di-Pertua: Mesyuarat
ditangguhkan hingga jam 2.30 petang
esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul
6.30 petang.*